



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1281]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 [Ruangan 1313]

USUL-USUL:

Akta Kastam, 1967—

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17), 1977 [Ruangan 1306]

Perintah Duti Kastam, 1978 [Ruangan 1306]

Perintah Duti Kastam (Pindaan), 1978 [Ruangan 1306]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2), 1978 [Ruangan 1306]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3), 1978 [Ruangan 1306]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4), 1978 [Ruangan 1306]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5), 1978 [Ruangan 1306]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6), 1978 [Ruangan 1306]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7), 1978 [Ruangan 1306]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8), 1978 [Ruangan 1306]

KANDUNGANNYA—(samb.)

- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9), 1978 [Ruangan 1306]**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10), 1978 [Ruangan 1306]**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11), 1978 [Ruangan 1306]**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12), 1978 [Ruangan 1306]**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13), 1978 [Ruangan 1306]**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14), 1978 [Ruangan 1306]**
- Akta Kastam, 1967—**
 - Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 2), 1977 [Ruangan 1312]**
- Akta Cukai Jualan, 1972—**
 - Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (No. 2), 1978 [Ruangan 1312]**
- Anggaran Pembangunan, 1979 [Ruangan 1313]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

„ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam,
DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE
E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK
UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING
(Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN
HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN
YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN
ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH
BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN
ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN
ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM
BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan
Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias*
YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P.,
P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjong Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- Yang Berhormat TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Keluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

- Yang Berhormat** TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 27hb Oktober, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan**
Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PAKAIAN HAKIM

1. Tuan Hashim bin Ghazali minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa Datuk Hashim bin Yeop Abdullah Sani, Hakim Mahkamah Tinggi, Ipoh tidak bersetuju lagi memakai wig waktu menjalankan perbicaraan, dan telah mengubah beberapa peraturan mahkamah; jika sedar, adakah beliau bercadang supaya diadakan satu peraturan baharu bagi dijalankan pada semua Mahkamah Tinggi di negara ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, pemakaian wig dan lain-lain pakaian oleh Hakim Mahkamah Persekutuan dan Hakim Mahkamah Tinggi dalam mahkamah adalah termasuk di bawah takrif tingkah laku hakim-hakim. Hal ini tidak boleh dipersoal dan dibincangkan dalam Parlimen mengikut Perkara 127 Perlembagaan Persekutuan melainkan mengikut cara-cara yang tertentu sepertimana yang diperuntukkan di dalam Perkara tersebut.

TRAVEL AGENTS BAGI MAS

2. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pengangkutan menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa MAS tidak mendapat keuntungan yang menggalakkan disebabkan adanya sabotaj dari travel agents yang mengatakan bahawa tiket tempahan kapalterbang MAS telahpun penuh sedangkan yang sebenarnya tidak, samada

siyasatan secara rapi akan dibuat atas penyelewengan dan begitu juga adanya ajensi-ajensi Kerajaan sendiri yang tidak mematuhi arahan Perbendaharaan untuk menggunakan penerbangan MAS sepenuhnya, kecuali tiada routes yang dilalui oleh MAS. Jika sedar, adakah Kerajaan akan meminta kerjasama dari semua travel agents untuk membantu Kerajaan bagi memajukan lagi penerbangan nasionalnya.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, adalah didapati bahawa MAS telahpun mendapat keuntungan yang menggalakkan bagi tahun kewangan 17/78. Pihak MAS telahpun menyiasat dengan teliti berkenaan kenyataan bahawa setengah-setengah travel agents tidak bekerjasama dengan pihak MAS dalam hal tempahan tempat duduk penerbangan dan didapati sukar untuk mendapat bukti yang jelas yang menunjukkan adanya perbuatan seumpama itu. Walau bagaimanapun, pihak MAS akan sentiasa memerhati perkara ini.

Saya tidak sedar pula berlakunya penyelewengan di kalangan ajensi-ajensi Kerajaan yang tidak mematuhi arahan Perbendaharaan untuk menggunakan penerbangan MAS sepenuhnya, kecuali perkhidmatan MAS tidak ada bagi sesuatu perjalanan itu. Walau bagaimanapun sekiranya Ahli Yang Berhormat mengetahuinya, silalah laporkan kepada Kementerian saya supaya siyasatan dapat dilakukan.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri berkata bahawa untuk tahun 1977 dan 1978 MAS telah memperolehi satu keuntungan yang sangat menggalakkan, maka adakah Yang Berhormat Menteri akan memulihkan perkhidmatan penerbangan Singapura/Melaka kerana semenjak ianya diberhentikan bulan November tahun lepas ia telah membawa satu pukulan yang serius terhadap pertumbuhan ekonomi di negeri Melaka.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, ini ada di dalam siasatan.

**UNIVERSITI MALAYA/
KEBANGSAAN—PEMOHON KE
FAKULTI PERUBATAN**

3. Tuan Chan Teck Chan (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan pemohon-pemohon untuk masuk ke Fakulti Perubatan Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan, beri perpecahan menurut kaum bagi pemohon-pemohon yang berjaya dan sebab-sebab mengapa pemohon yang beroleh empat atau tiga kepujian di peringkat HSC ditolak.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Speaker, bilangan calon-calon yang memohon masuk ke Fakulti Perubatan Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia bagi sesi 1978/79 ialah 451 orang. Jumlah pemohon-pemohon yang berjaya ialah 278 orang iaitu 206 Melayu, 56 China, 16 India dan lain-lain.

Bagian akhir soalan Yang Berhormat itu tidak jelas, oleh kerana keputusan peperiksaan HSC/STP tidaklah digredkan menurut kepujian atau "distinction". Tetapi sekiranya Ahli Yang Berhormat maksudkan kepujian "distinction" itu ialah Prinsipal "A", maka sebab-sebab mengapa pemohon-pemohon yang memperolehi 3 atau 4 prinsipal A ditolak adalah seperti berikut:

- (i) ada di antara mereka yang tidak mempunyai syarat-syarat keperluan pelajaran asas untuk ke Fakulti itu, umpamanya tidak mempunyai gred yang baik dalam matapelajaran Kertas Am (General Paper);
- (ii) Calon-calon ini juga tidak memenuhi syarat-syarat khas Fakulti (Faculty Requirement) yang telah ditetapkan, misalnya calon-calon ini tidak mempunyai kombinasi matapelajaran yang sesuai untuk ke Fakulti Perubatan. Sungguhpun mereka gagal memasuki Fakulti Perubatan, mereka semua telah ditawarkan kursus-kursus lain di aliran Sains.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, di sini ada satu ketidakseimbangan (imbalance) di antara kaum bumiputra dan bukan bumiputra pada intake ini, maka

bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran memberitahu Dewan ini bahawa apakah tindakan yang telah diambil untuk memperbaiki atau memperseimbangkan intake yang berat sebelah sahaja di antara bumiputra dan bukan bumiputra.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah mengumumkan dalam Dewan yang mulia ini iaitu universiti-universiti di dalam Malaysia kita ini masih di dalam konsolidasi. Jadi ini tentulah bergantung kepada kemudahan-kemudahan dan tenaga-tenaga pengajar, dua-dua faktor itu. Kita akan dapat memberi kajian dari setahun ke setahun untuk mengatasi perkara ini.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, berapa banyakkah bilangan doktor-doktor yang berdaftar berkhidmat dengan Kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain, ini soalan berkenaan dengan kemasukan.

**LAPURAN PENYIASATAN
MENGENAI KEBAKARAN CAMPBELL**

4. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah telah terjadi kepada Laporan Penyiasatan mengenai Kebakaran Campbell dan mengapakah sehingga sekarang laporannya tidak diumumkan; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menentukan bahawa semua kompleks berbilang tingkat dan bangunan tinggi di Kuala Lumpur adalah terlengkap dengan alat-alat mencegah kebakaran untuk mencegah kebakaran besar daripada memusnahkan nyawa dan harta benda.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat bahawa Laporan Penyiasatan mengenai Kebakaran Campbell telah diedarkan kepada Jabatan-jabatan yang terlibat untuk tindakan yang perlu. Makluman

balas-makluman balas daripada Jabatan-jabatan tersebut akan dikemukakan kepada Jumaah Menteri. Pihak Jumaah Menteri akan memutuskan tindakan selanjutnya mengenai Lapuran tersebut.

- (a) Menurut Undang-undang Kecil Perbandaran Kuala Lumpur (Bangunan) (Pindaan) 1975, semua bangunan tinggi adalah diwajibkan dilengkapi dengan alat-alat pencegahan dan kawalan kebakaran yang tertentu. Semua pelan adalah dikemukakan kepada pihak Jabatan Bomba dan sebelum pelan-pelan tersebut diluluskan ianya adalah dikaji dengan teliti dan secara mendalam. Di samping itu pemeriksaan-pemeriksaan dari masa ke semasa adalah juga dijalankan oleh pegawai-pegawai Bomba terhadap alat-alat tersebut untuk memastikan bahawa ianya adalah di dalam keadaan yang baik. Dengan adanya penyatuan Perkhidmatan Bomba Penguasa-penguasa Tempatan dan Negeri-negeri Semenanjung Malaysia, maka pelan-pelan bangunan bagi bandar-bandar lain adalah juga dihantar kepada Jabatan Bomba untuk kelulusan dan supaya semua peraturan kebakaran adalah dipatuhi.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan tambahan. Yang Pertama, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kerajaan bercadang untuk mengumumkan Laporan Penyiasatan mengenai kebakaran Kompleks Campbell. Yang kedua, sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kebakaran Kompleks Campbell mempunyai pengajaran yang penting kepada orang ramai khususnya mengenai bagaimana melarat kebakaran yang berlaku di bangunan bertingkat-tingkat, dan jika beliau sedar, saya ingin bertanya sejauh manakah Kerajaan telah mendapat faedah daripada pengajaran-pengajaran itu untuk mencari jalan yang lebih positif dan lebih berkesan untuk mengatasi masalah kebakaran di bangunan-bangunan bertingkat-tingkat di masa yang akan datang.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, keputusan untuk mengumumkan Lapuran itu ialah keputusan Jumaah Menteri. Berkenaan dengan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, penjelasan daripada Kementerian

saya ialah Kerajaan memandang berat terhadap kemajuan pesat yang dijalankan di Wilayah Persekutuan di mana bangunan-bangunan tinggi sedang dibina. Di antara langkah-langkah penting yang diambil ialah Kerajaan telah menyatukan semua Perkhidmatan Bomba Negeri serta Penguasa-penguasa Tempatan di bawah Kerajaan Persekutuan—ini tindakan yang pertama. Tindakan yang kedua, kakitangan tertentu semua peringkat telah ditambah dan lebih kakitangan yang terlatih dan berkelayakan telah diambil. Yang ketiganya, pada masa sekarang dua lagi Akta sedang disediakan berkenaan dengan penjagaan dan kawalan kebakaran khususnya di bangunan-bangunan tinggi. Akta-akta itu ialah Akta Pencegahan Kebakaran dan Akta Perkhidmatan Bomba. Yang keempat, jumlah anggota-anggota bomba akan ditambah dari 1,500 kepada 4,000 orang di masa hadapan. Pusat-pusat Latihan ada juga di lima tempat. Kementerian ada juga meminta kepada semua pemaju-pemaju apabila mereka membina bangunan yang tinggi alat-alat pencegahan dan kawalan kebakaran mestilah disediakan iaitu automatic sprinkler, automatic detector, wet riser, fireman's lift dan sebagainya. Ini adalah ajaran yang kita dapati selepas kebakaran itu.

Tuan Chan Teck Chan: Untuk mengelakkan berlakunya suatu mala petaka kebakaran tertimpa kepada bangunan-bangunan yang bertingkat-tingkat tinggi, maka adakah pihak Kementerian Yang Berhormat akan mengadakan satu pemeriksaan mengejut dari semasa ke semasa di tiap-tiap bangunan yang tinggi itu supaya sistem pencegahan api mereka dikawal dan dikesan.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk memeriksa bangunan-bangunan, sehingga sekarang kita ada 2 orang sahaja, tetapi dalam Kementerian saya kita telahpun ambil 30 orang lagi yang menjadi jumlah semuanya 32 orang untuk memeriksa bangunan. Dalam undang-undang dicadangkan Kementerian saya boleh dapat lebih kuasa untuk pemeriksaan. Kuasa itu tidak ada di dalam undang-undang sekarang.

Tuan Alias bin Mohd. Ali: Soalan tambahan. Adakah dalam usaha untuk mencegah kebakaran di bangunan-bangunan tinggi, pihak Kementerian yang berkenaan

bermaksud hendak menimbang soal membeli dan menggunakan helikopter untuk memadamkan kebakaran.

Tuan S. Samy Vellu: Saya tidak dengar dan saya minta ulang sekali lagi.

Tuan Alias bin Mohd. Ali: Adakah pihak Kementerian Yang Berhormat bermaksud hendak membeli dan menggunakan helikopter untuk memadamkan kebakaran?

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, belum lagi ada cadangan ini. Saya harap di masa akan datang boleh juga ditimbangan.

PERKHIDMATAN TELEFON DI MELAKA

5. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah langkah-langkah yang positif telah diambil untuk memperbaiki perkhidmatan telefon di Negeri Melaka, kerana baru-baru ini telefon di seluruh Negeri Melaka mengalami kerosakan sekurang-kurangnya 200 sehari, juga kod 03 sangat susah didailkan dan kenapa permohonan-permohonan pemasangan telefon memakan masa bertahun-tahun baru diluluskan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan bahawa sistem telefon di Negeri Melaka telah mengalami kesulitan oleh kerana kesesakan di ibusawat telefon itu. Tetapi kesulitan ini akan dapat dikurangkan dengan siapnya sebuah ibusawat telefon yang baru yang telahpun dibuka pada 15-10-78. Berkenaan dengan kesusahan mendail kod 03 iaitu untuk berhubung dengan Kuala Lumpur, kesusahan ini adalah disebabkan oleh kerja-kerja yang sedang dijalankan bagi menambah keupayaan peralatan swis sambungan jauh (to increase the capacity of trunkswitching equipment) dan kerja-kerja ini dijangka siap pada akhir bulan November tahun ini juga.

Berkenaan dengan kelewatan di Jabatan Telekom untuk meluluskan permohonan bagi mendapat telefon ialah kerana kekurangan pasangan-pasangan kebel dan kini Jabatan Telekom sedang mengambil tindakan bagi mengatasi kekurangan ini. Walau bagaimana-

pun tindakan bagi mengatasi kekurangan ini akan mengambil masa kerana ini melibatkan penanaman dan penyambungan kebel.

SYARIKAT PEMAJU-PEMAJU PERUMAHAN BUMIPUTRA

6. Wan Zainab binti M. A. Bakar minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa ada beberapa buah Syarikat Pemaju-pemaju Perumahan Bumiputra yang mencebur diri di dalam perusahaan perumahan dengan beberapa kelemahan yang ada pada mereka; jika ya, nyatakan apakah tindakan yang telah diambil ke atas perkara ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah terlalu luas dan umum untuk membolehkan saya memberi jawapan yang tepat. Saya kurang faham apakah sebenarnya atau khususnya yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat sebagai kelemahan yang ada pada pemaju-pemaju perumahan Bumiputra.

Mungkin Ahli Yang Berhormat bermaksud bahawa mereka kurang pengetahuan dan pengalaman dalam urusan perumahan ataupun menghadapi kesulitan-kesulitan kewangan dan masalah-masalah pengurusan. Saya ingin menjelaskan bahawa masalah-masalah seperti ini mungkin akan dihadapi oleh sesiapaupun yang mencebur diri buat kali pertama.

Kementerian saya memang memberi galakan serta nasihat kepada Bumiputra-bumiputra yang ingin menjadi pemaju agar bilangan Bumiputra yang berkecimpung di dalam bidang ini bertambah dari masa ke semasa. Bahagian Pelesenan dan Khidmat Nasihat yang telah ditubuhkan di Kementerian saya memainkan peranan yang penting dalam soal ini.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dan adakah perkara ini benar iaitu terdapat setengah-setengah pemaju perumahan mendirikan rumah atau menjualkan lot-lot tanah kepada orang ramai sebelum mendapat kebenaran daripada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini terkeluar daripada soalan asal tetapi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak jawab!

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tak payah.

Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada pemaju-pemaju perumahan bumiputra daripada segi wang per-taruhan sebanyak \$250,000 untuk mendapatkan lesen pemaju perumahan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, melalui pelesenan dan Khidmat Nasihat Kementerian saya, memang ada kemudahan-kemudahan itu, umpamanya mengikut Seksyen 6 (2) Akta Pemaju (Melesen) Perumahan boleh memberi kelong-garan-kelonggaran daripada \$250,000 diberi \$100,000 dan begitu juga kalau dapat kelong-garan itu dapat bank gerenti dan kita sedia mengeluarkan lesen kepada bumiputra.

KES-KES ROGOL

7. Datuk Stephen R. Evans minta Menteri Undang-undang menyatakan:

(a) berapa banyak kes-kes rogol yang telah dibicarakan di Mahkamah-mahkamah dalam Negeri Sabah dan Sarawak pada tahun 1976 dan 1977 dengan menyatakan keputusan per-bicaraan serta hukuman bagi setiap kes; dan

(b) samada beliau sedar bahawa hukuman yang dijatuhkan pada umumnya adalah ringan. Jika sedar, adakah Kementerian beliau akan menimbang mengemukakan undang-undang yang memperuntukkan hukuman yang lebih berat bagi kesalah merogol supaya penjenayah-penjenayah akan menerima tindakan yang sangat berat dari segi undang-undang.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan (a), kes-kes rogol yang telah dibicarakan di mahkamah-mahkamah di Sabah dan Sarawak dalam tahun 1976 dan 1977 adalah seperti berikut:

Di Sabah dalam tahun 1976 lima kes rogol telah dibicarakan. Dalam kes pertama, dua orang telah dihukum empat

tahun penjara tiap-tiap seorang; dalam kes kedua yang dituduh telah dihukum empat tahun penjara; dalam kes ketiga, empat orang telah dituduh dan tiga daripadanya dihukum penjara 9 bulan tiap-tiap seorang dan satu lagi dihantar ke Sekolah Akhlak selama tiga tahun. Dalam kes keempat, yang dituduh telah dihantar ke Sekolah Akhlak selama tiga tahun dan dalam kes kelima yang dituduh telah dihukum tiga tahun penjara.

Pada tahun 1977, tiga kes rogol telah dibicarakan. Dalam kes pertama yang dituduh telah dihukum 18 bulan penjara. Dalam kes kedua yang dituduh telah dihukum lima tahun penjara dan dalam kes ketiga yang dituduh telah dihukum 18 bulan penjara.

Di Sarawak dalam tahun 1976 dua kes rogol telah dibicarakan. Dalam kes pertama yang dituduh telah dihukum enam bulan penjara selepas tuduhan itu dipinda kepada tuduhan mencabul kehormatan. Dalam kes kedua yang dituduh telah dihukum dua tahun penjara.

Dalam tahun 1977 satu kes telah dibicarakan di mana yang dituduh telah didenda \$300 atau tiga minggu penjara selepas tuduhan dipinda kepada tuduhan mencabul kehormatan. Mahkamah juga telah mengarah orang yang didapati bersalah itu membayar \$150 kepada mangsa dalam masa seminggu dan wang itu telah-pun di bayar.

Sebagai menjawab soalan (b) bolehlah dikatakan pada umumnya hukuman yang dijatuhkan adalah didapati berpatutan.

Pada masa ini seseorang yang didapati bersalah kerana melakukan kesalahan merogol boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan sebagai tambahan boleh jua dikenakan hukum denda ataupun sedar dengan rotan. Hukuman yang tersebut itu adalah didapati sudah mencukupi. Oleh yang demikian, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk meminda undang-undang bagi memberatkan lagi hukuman yang sedia ada mengenai kes-kes rogol itu.

RUMAH-RUMAH HARGA MURAH

8. Tuan V. David minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah-masalah kekurangan rumah-rumah harga

murah bagi memenuhi permohonan segera yang tidak kurang daripada 100,000 dalam Bandaraya Kuala Lumpur.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tidak tahu dari manakah Yang Berhormat dapat angka 100,000 pemohon rumah murah kerana mengikut rekod Dewan Bandaraya terdapat 12,766 orang sahaja yang telah mendaftarkan dengannya dan memperbaharui pendaftaran semula di bawah sistem pendaftaran baharu pada tiap-tiap dua tahun sekali untuk mendapatkan rumah murah.

Berhubung dengan masalah yang timbul dari ramainya orang yang memerlukan rumah murah, saya telah bercakap mengenai perkara ini semalam dalam Dewan yang mulia ini dalam mana saya telah mengatakan bahawa 19,423 yunit rumah murah akan dibina dalam Rancangan Malaysia Ketiga, 30,000 dalam Rancangan Malaysia Keempat dan lebih kurang 16,000 yunit dari pihak swasta mengikut syarat yang dikenakan oleh Bandaraya kepada pihak pemaju perumahan swasta yang mesti membinakan 30% dari rumah yang akan dibinanya terdiri daripada rumah yang tidak lebih harganya \$20,000 sebuah. Di samping itu Dewan Bandaraya juga telah menubuhkan satu Jabatan Pelaksanaan Projek Khas untuk mempercepatkan, di antaranya rancangan pembinaan rumah-rumah murah dan juga Yunit Penyelarasan Pembangunan yang telah ditubuhkan akan juga dapat mencapai matlamat ini.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan, pada tahun 1979 berapa buah rumahkah yang akan dibina oleh Kerajaan atau Dewan Bandaraya. Yang kedua, adakah sekarang ini dibuka pendaftaran nama bagi membolehkan pemohon-pemohon mendaftarkan nama kalau hendak dapat rumah di bandaraya?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang pertama sudah dijawab semalam, yang kedua itu boleh.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sebenarnya untuk tahun 1979 sahaja yang sekarang ini di dalam pembinaan apabila berakhir tahun 1979 itu angkanya ialah 6,387 ini untuk tahun 1979. Di samping itu ada juga sebagai-

mana yang saya katakan semalam lebih kurang 2,000 rumah akan ditambah lagi dalam tempoh yang sama. Saya minta ulang semula soalan bahagian yang kedua itu.

Tuan Yang di-Pertua: Sila ulang bahagian yang kedua.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu, bilakah pendaftaran akan dibuka supaya pemohon-pemohon boleh mendaftarkan nama, kalau hendakkan rumah?

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Pendaftaran adalah dibuka setiap masa, siapa yang ingin mendapat rumah di bawah rancangan perumahan Dewan Bandaraya, boleh daftar bila-bila masa.

Tuan Yang di-Pertua: Eloklah Ahli Yang Berhormat dari Damansara suruh mereka daftar dahulu. Ahli Yang Berhormat dari Setapak!

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya mengenai pendaftaran yang disebut oleh Setiausaha Parlimen itu adakah termasuk kajian yang dibuat oleh pihak Bandaraya, rumah-rumah setinggan ataupun orang-orang yang duduk bersetinggan adakah termasuk di dalam jumlah pendaftaran yang disebut oleh Setiausaha Parlimen itu?

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Pendaftaran yang dimaksudkan itu adalah pendaftaran orang-orang yang memohon untuk mendapat rumah.

NAMA DALAM SIJIL BERANAK

9. Dr Tan Tiong Hong minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa tidak ada peruntukan Undang-undang dalam Ordinan Kelahiran dan Kematian yang membolehkan ditambah dan diubah nama kanak-kanak dalam Sijil Beranak setelah kanak-kanak itu berumur setahun lebih dari tarikh kelahirannya.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, sebab mengapa tidak ada peruntukan undang-undang dalam Ordinan Kelahiran dan Kematian, 1967 yang membolehkan ditambah

dan diubah nama kanak-kanak dalam Sijil Kelahiran setelah kanak-kanak itu berumur setahun lebih dari tarikh kelahirannya ialah kerana:

- (a) untuk tujuan keselamatan. Ia bertujuan mengelakkan penyalahgunaan sesuatu Sijil Kelahiran oleh orang-orang lain yang tidak berhak ke atas Sijil tersebut; dan
- (b) tempoh kesedaran adalah mencukupi iaitu tempoh satu tahun yang diberikan di bawah undang-undang sekarang adalah sudah cukup bagi membolehkan ibubapa atau penjaga menukar atau menambah nama kanak-kanaknya jika nama yang telah diberi itu difikir tidak sesuai.

Dr Tan Tiong Hong: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tambahan nama lain di dalam Sijil Beranak kadangkala perlu dibuat oleh kerana nama yang didaftar tidak betul. Contohnya saya ada satu kes nama anak perempuan ini Cik Saw Bee Kuat yang telah didaftar tetapi nama yang betul ialah Saw Bee Kian. Jika tidak dibenarkan tambah nama selepas satu tahun, apakah langkah yang perlu diambil untuk memberi pemohon ini menambahkan lagi nama seperti alias di dalam Sijil Beranak?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ada berlaku kesilapan ejaan atas kesilapan clerical error tentang nama kanak-kanak itu memang boleh diminta buat pindaan di bawah Seksyen 15 (2) dengan syarat-syarat ataupun procedure-procedure yang tertentu.

HOSPITAL TANAH MERAH KELANTAN

10. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa projek pembinaan sebuah Hospital Daerah di bandar Tanah Merah, Kelantan sudah lama dimulakan tetapi sehingga sekarang masih jauh lagi daripada siap dan jika ya, berapa peratuskah kerja-kerja yang sudah siap setakat ini, dan kenapa berlakunya kelewatan tersebut.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang sedar akan kelewatan yang tidak dapat dielakkan dalam pembinaan Hospital Daerah Tanah Merah.

Pada keseluruhannya kemajuan yang dicapai dalam pembinaan Hospital Tanah Merah ini sehingga 30-9-78 ialah 12.5%.

Masalah besar dalam kelewatan pembinaan hospital ini pada masa sekarang ialah tentang keadaan tapaknya yang mengandungi batu-batu yang mana telah tidak didugakan. Kontrektor yang asal tidak dapat menghabiskan kerja-kerjanya sungguhpun telah diberi tempoh perlanjutan tarikhnya oleh pihak Jabatan Kerja Raya. Kontrektor ini telah ditamatkan perkhidmatannya dalam bulan Januari 1976 dengan hanya 30% sahaja kerja-kerja tanah yang siap. Kontrek yang kedua telah dikeluarkan pada bulan Mei 1976 tetapi ia juga menghadapi masalah yang serupa iaitu masalah keadaan tanah. Pada 30-9-78 kontrektor ini hanya dapat menyiapkan 80% saja dari kerjanya. Pihak Jabatan Kerja Raya telah merekabentuk semula pelan tata-atur (layout plan) bagi bangunan-bangunan kali keduanya dalam bulan Jun 1978 bagi menghindarkan daripada batu-batu ini.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi masalah yang utama ialah masalah tapak di mana terdapat batu-batu besar yang tidak terduga. Jadi setelah diduga adanya batu-batu besar di tapak itu, saya hendak bertanya kepada beliau, adakah segala rancangan itu dapat dijalankan mengikut jadual dan adakah kemungkinan selepas ini wujudnya satu keadaan di mana sepertimana telah berlaku pada kontrektor yang pertama, kontrektor yang kedua yang menunjukkan mereka gagal menjalankan kerja-kerja mereka itu kerana sebab-sebab yang saya sebutkan tadi.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama mengatakan samada kerja-kerja itu akan dapat dijalankan mengikut jadual, jawapannya sudah tentu tidak dapat mengikut jadual. Sekarang rancangan ini adalah sangat terkebelakang.

Mengenai kontrektor yang kedua, sepatutnya beliau tidaklah berbuat demikian tetapi walau bagaimanapun memandangkan bahawa gejala ini merupakan satu gejala yang agak susah sedikit dielakkan maka pihak Jabatan Kerja Raya seperti yang telah saya katakan tadi merekakan semula satu layout plan baru supaya mengelakkan daripada batu-batu ini dan supaya dapat hospital ini dibangunkan mencapai objektif ianya didirikan.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya masalah sama ada pihak Jabatan Kerja Raya sebelum menentukan satu tapak untuk membina hospital ini telah membuat sub-soil test?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, pada kebiasaannya, pada kelazimannya kalau pihak Jabatan Kerja Raya hendak mendirikan sesuatu hospital yang besar yang bertingkat-tingkat, mereka mestilah membuat kajian atas kesesuaian sekeping tanah itu ataupun soil test suitability kerana mereka terpaksa mempunyai butir-butir yang perlu bagi mendesignkan satu sub-structure. Dalam masalah ini hospital ini merupakan satu hospital yang kecil iaitu satu tingkat sahaja, jadi pada kebiasaannya tidaklah dijalankan satu soil test.

KEMALANGAN KAPALTERBANG MAS DI TANJUNG KUPANG

11. Tuan P. Patto minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) memandangkan beberapa tanda tanya tertimbul berikutan dengan keputusan siasatan rasmi oleh Kerajaan yang diumumkan oleh beliau sendiri pada 7hb September, 1978 mengenai kapal terbang MAS Boeing 737 yang jatuh terhempas pada 4hb Disember, 1977 di Tanjung Kupang, Johor, bolehkah beliau membentangkan laporan siasatan yang panjangnya 43 muka dalam persidangan Dewan Rakyat sekarang supaya memberi peluang kepada semua pegawai Dewan Rakyat meneliti dan membahaskan laporan itu;
- (b) samada benar sehelai sapatangan terlipat dan yang belum diguna dijumpai di antara sisa-sisa kapal terbang, dan sapatangan itu mempunyai satu lubang peluru, jika ya, siapakah tuannya sapatangan itu;
- (c) memandangkan pendedahan orang mempunyai sapatangan itu telah dikenali dengan positif, apakah sebabnya beliau enggan mengumumkan nama tuannya sapatangan itu;
- (d) samada benar perampas kapal terbang itu mungkin seorang pegawai bank yang sedang dalam perjalanan selepas tamatnya satu persidangan di Pulau Pinang, jika ya, apakah nama orang itu;

(e) samada benar bahawa bentuk ayat bahasa Inggeris yang diguna oleh perampas atau perampas-perampas itu merupakan bentuk ala Malaysia, jika ya, adakah perampas atau perampas-perampas itu rakyat Malaysia;

(f) apakah bahasa asing yang dikatakan yang telah diguna oleh perampas atau perampas-perampas itu;

(g) sebab-sebab laporan siasatan yang diumumkan itu tidak mengesyorkan apa-apa pun untuk mengetatkan lagi keselamatan lapangan terbang di negara kita, dan semasa ini kemungkinan Kerajaan sangat-sangat puashati dengan keselamatan yang sedia ada sekarang itu.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Adalah dianggap tidak perlu membentangkan dan membalas laporan kemalangan kapal terbang MAS Boeing 737 di dalam Dewan ini. Sebenarnya berlaku kemalangan telahpun dapat ditentukan, iaitu dengan izin "The accident was caused by the fatal incapacitation of the crew by the hijackers resulting in the aircraft being left in the descent to impact without any professional control".
- (b) & (c) Adalah benar sehelai sapatangan berlipat yang mempunyai satu lubang peluru telah dijumpai di antara sisa-sisa kapal terbang dan tuannya sapatangan telah dapat dikenali. Walau bagaimanapun, saya rasa tidak perlu untuk memberi nama tuannya sapatangan tersebut untuk mengelakkan dari timbulnya salahsangka.
- (d) Siasatan mesti dijalankan dengan mendalam dan teliti supaya satu keputusan yang tepat dapat dicapai. Ia tidak boleh berasaskan kepada kemungkinan-kemungkinan sahaja. Di dalam kapal terbang yang malang itu ada 93 orang penumpang dan 7 orang kakitangan MAS dari berbagai bangsa dan pekerjaan dan adalah dianggap tidak wajar menamakan sesiapa tanpa bukti-bukti yang tepat dan positif.

- (e) Bahasa yang digunakan oleh perampas ialah bahasa Inggeris, tetapi samada ia ala Malaysia, atau pun lain adalah amat sukar untuk dipastikan dengan tepat kerana ini merupakan kemungkinan-kemungkinan.
- (f) Laporan tidak mengatakan perampas menggunakan bahasa asing. Hanya bahasa yang dianggap sebagai bahasa asing terdengar di penghujung voice tape, iaitu perkataan-perkataan yang tidak dapat dipastikan samada bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain.
- (g) Laporan tidak menyentuh perkara keselamatan di lapangan terbang kerana ini adalah dianggap di luar syarat-syarat rujukan siasatan atau "Terms of Reference."

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pengumuman siasatan rasmi mengenai Boeing 737 yang terhempas di Johor pada akhir tahun lalu yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri dalam bulan September telah mengakibatkan keluarga-keluarga si mati tidak puas hati dan oleh kerana mereka tidak dapat peluang antara lain untuk mendengar playback dari peti hitam. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi peluang dan membuat peraturan untuk keluarga-keluarga si mati itu supaya membolehkan mereka dengar atau wakil-wakil mereka mendengar playback dari peti hitam itu apa sebenarnya yang telah berlaku di dalam kapal terbang sebelum trajidi tersebut berlaku.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, mengenai voice recorder, kandungannya telahpun dikemukakan oleh Kerajaan di dalam laporan kemalangan yang telah dikeluarkan dengan sepenuhnya kepada orang awam. Jika sekiranya Kerajaan dikehendaki oleh mana-mana mahkamah yang mengendalikannya kes-kes mengenai kemalangan ini untuk dikemukakan voice recorder tersebut, Kerajaan bersedia mematuhi perintah tersebut.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan satu dua perkara iaitu

setelah tamat siasatan yang telah dibuat dan laporan telahpun diumumkan samada Kerajaan sedar:

Pertama, keluarga yang telah ditimpa kemalangan sehingga hari ini ramai di antara mereka belum mendapat bayaran pampasan yang sepatutnya mereka ini terima dan keluarga-keluarga mereka itu banyak yang terbiar dan di dalam keadaan penderitaan.

Kedua, apakah langkah Kerajaan supaya dapat mengatasi kesulitan dan penderitaan yang dihadapi oleh keluarga-keluarga kemalangan tersebut.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa beberapa keluarga belum mendapat wang pampasan itu. Pembayaran telahpun dibuat kepada satu pihak manakala enam pihak telah bersetuju untuk menerima pembayaran yang telah dikemukakan dan bayaran-bayaran tersebut akan dibuat tidak lama lagi.

Tetapi ada juga pada masa sekarang 12 tuntutan dikemukakan kepada mahkamah. Lain daripada itu ada juga sebab-sebab kelambatan ini berlaku oleh kerana Letters of Administration. Menjawab soalan yang kedua itu ialah dengan meminta kerjasama daripada Public Trustees untuk menolong keluarga ini mendapatkan Letters of Administration dengan segera dan membolehkan mereka mendapat wang pampasan itu.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri:

Yang Pertama, benar atau tidak bahawa tape itu dihantar kepada Civil Aviation Air Worthiness Unit of the Department of Trade, United Kingdom untuk decipher. Dan tape itu dikembalikan ke Malaysia oleh kerana tidak dapat mentafsirkan atau tidak dapat apa-apa maklumat walaupun Civil Aviation Air Worthiness Unit mempunyai equipment yang begitu modern dan sophisticated.

Yang Kedua, samada selepas menerima tape itu, tape itu dihantar kembali ke Civil Aviation Air Worthiness Unit of the Department of Trade, United Kingdom dan kemudiannya, barulah dapat satu laporan yang telah dibentangkan kepada orang-ramai.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat barangkali tidak tahu apakah yang telah saya kemukakan di dalam Dewan ini apabila kemalangan itu berlaku. Voice recorder ini didapati tertanam beberapa kaki di dalam tanah dan apabila experts dapat menganalisisnya mereka dengan seberapa susah membuat laporan secara words by words. Jadi apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa pakar-pakar daripada United Kingdom tidak tahu dan menghantarnya balik, adalah tidak benar. Apa yang kita dapat ialah analisa daripada pakar-pakar United Kingdom dan pakar-pakar di sini, kemudiannya memainkan semula rakaman itu dan cuba mendengar tiap-tiap perkataan dan pakar-pakar di sini membuat satu kandungan dari pada recorder itu.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu yang ke 32 tahun lalu perkara trajidi kapalterbang Boeing 737 MAS telah ditimbulkan oleh 13 buah negara samada di dalam sidang pleno ataupun dalam sidang Jawatankuasa Undang-undang.

Setelah wakil-wakil daripada Perancis, Australia, Cuba, United Kingdom dan Israel berucap, mendebatkan tindakan tersebut mengenai langkah-langkah untuk mencegah perampas-perampas yang mengambil tebusan dan keganasan antarabangsa, kebetulan saya telah berucap sebagai Penasihat kepada Perwakilan Malaysia pada 8hb September, 1977. . .

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya, apa Yang Berhormat?

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Pertanyaan saya ialah apakah negara-negara yang tersebut telah menghubungi Kerajaan Malaysia dalam perkara ini, dan kalau ada, apakah jawapan-jawapan yang telah diberi oleh Kerajaan Malaysia.

Kedua, mengenai trajidi ini, saya yakin 149 negara yang menjadi anggota Bangsa-bangsa Bersatu sedang menunggu dengan penuh minat akan peranan kita di dalam menyertai tugas untuk menjamin akan keselamatan international community. Dan apakah langkah-langkah yang telah kita buat

sehingga boleh menyakinkan mereka mengenai keselamatan penumpang-penumpang di dalam penerbangan udara di negara kita.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang rancangan yang dilakukan di dalam United Nations atau beberapa buah badan-badan international termasuk juga International Civil Aviation Organisation dan lain-lain. Tetapi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah luar daripada jawapan ataupun permintaan asal. Tetapi sungguhpun begitu Kerajaan Malaysia ada mempunyai beberapa langkah di dalam lapanganterbang-lapanganterbang kita mengawal supaya kejadian ini tidak berlaku lagi.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan memberitahu sama ada benar Pilot kapalterbang Boeing 737 MH 653 iaitu Kapten Ganjor pernah bertelingkah dengan bodyguard Allahyarham Yang Berhormat Menteri daripada Kabinet Kerajaan oleh kerana bodyguard tersebut enggan menyerahkan senjatapi beliau kepada Pilot dan berikutan dengan itu sama ada benar bahawa satu circular telah dikeluarkan oleh MAS menyatakan bahawa VIP dan bodyguardnya dibenar membawa senjatapi dalam kapalterbang tanpa menyerahkan senjatapi itu kepada Pilot dan sama ada pada hari tersebut iaitu 4hb Disember, 1977 bodyguard Menteri yang berkenaan membawa senjatapi bersamasamanya tanpa menyerahkannya kepada Pilot, Kapten Ganjor.

Tuan Yang di-Pertua: Siapa yang menyampaikan cerita ini? Sebab 100 orang penumpang semua sudah tidak ada. Soalan-soalan tambahan yang semacam ini tadi sudah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri tidak benar, ini 100 cerita boleh dibuat. Jadi dari mana datang cerita ini?

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut ada sama ada benar atau tidak hendaklah dijawab sebab ada saluran-saluran yang saya . . .

Tuan Yang di-Pertua: Tadi pun saluran mana diasaskan? Kalau Yang Berhormat Menteri ada hendak memberi jawapan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, sayapun ada dengar macam-macam cerita, jadi kalau saya hendak menjawab semua, susah juga.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak usah biasa dengan cerita Ahli Yang Berhormat dari Menglembu. Ahli Yang Berhormat dari Setapak!

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik hati dengan jawapan Yang Berhormat Menteri mengenai bentuk-bentuk bantuan yang hendak disampaikan kepada keluarga iaitu melalui insuran dan sebagainya, dan ada menghadapi masalah-masalah pentadbiran dan sebagainya. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri dan Kerajaan oleh sebab ramai daripada yang menerima kemalangan itu ialah merupakan breadwinner of the family dan keluarga-keluarga yang ditinggalkan itu tidak ada membuat simpanan dan sebagainya. Jadi sekarang ini sudah hampir setahun perkara ini berlaku, tidak bolehkah melalui Kementerian ataupun melalui MAS sendiri simpanan khasnya atau sebarang fund mendahului pemberian bantuan kepada keluarga-keluarga itu, kewangan sudah diterima daripada pihak insuran kelak boleh diambil balik. Bolehkah pihak Kerajaan sendiri atau MAS mendahului pembayaran pampasan ini kepada keluarga-keluarga yang telah ditimpa kemalangan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan Kerajaan pun penuh simpati atas perkara ini, tetapi masalahnya, macam saya kata, ada beberapa orang menjadi waris hendak minta duit ini. Itulah yang menjadi masalah. Jikalau keluarga-keluarga ini dan waris-waris boleh bersatu hati membuat permohonan maka masalah ini tidak timbul. Itulah sebabnya lambat dapat Letters of Administration. Jadi kita tidak boleh bertindak segera. Satu keluarga sudah pun ambil duit, enam sudah pun bersetuju, tetapi ada orang pergi ke mahkamah, ada juga orang menunggu keputusan dari mahkamah. Jadi ini adalah satu sebab yang menjadikan terlambat.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya satu kenyataan yang tidak boleh dielakkan ialah tragedi yang menyebabkan 100 nyawa ini adalah disebabkan kelalaian sistem keselamatan MAS

sendiri dan juga keluarga-keluarga si mati adalah meminta Yang Berhormat Menteri meletak jawatan kerana kelalaiannya untuk menjaga keselamatan penumpang-penumpang. Maka sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab bilakah Yang Berhormat Menteri akan meletakkan jawatannya sebagai tindakan Kerajaan untuk memberitahu rakyat bahawa seseorang Menteri yang lalai menjalankan tanggungjawabnya adalah memikul tanggungjawab itu.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sudah timbul dalam Penggal Keempat Parlimen dahulu dan sudah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi bagi Penggal Kelima ini, bolehlah kalau Yang Berhormat Menteri hendak menjawab.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu, tetapi soalan ini sudah pun berulang balik, sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sendiri kata. Sukacita saya hendak beri jawapan kepada Ahli Yang Berhormat itu, penduduk-penduduk kawasan saya dan di seluruh negara ini adalah memilih saya semula kali yang keenam. (*Tepuk*) Jadi dalam Parlimen ini kali kelima dan dalam Legislative Assembly sekali, jadi sekarang kali yang keenam. Ahli Yang Berhormat itu baru sekali, dan sukacita saya memberitahu bahawa kali ini saya dapat undi yang lebih banyak lagi, sungguhpun DAP masuk kawasan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, saya tidak mahu teruskan soalan itu. Tetapi berpunca daripada perkara kelewatan pembayaran pampasan, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa selain daripada perkara keluarga-keluarga membawa perkara ini ke mahkamah kerana pampasan-pampasan (compensation) yang ditawarkan oleh pihak Kerajaan sangat tidak cukup, bolehkah pihak Kementerian atau Kerajaan daripada segi penuh tanggungjawab atas satu perkara di mana satu tragedi yang besar telah berlaku yang mungkin di antara sebab-sebab mengapa hempasan berlaku kerana sistem keselamatan baikpun di kapal terbang atau airport-airport tidak ketat bahawa Kerajaan menambahkan tawaran pampasan untuk keluarga-keluarga yang terlibat?

Kedua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini apakah pampasan-pampasan yang telah ditawarkan atau dibayar untuk Pilot, Co-Pilot dan kakitangan-kakitangan (crew) dalam MAS?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh bersetuju ini berlaku atas kesilapan keselamatan atau lain-lain. Jikalau Ahli Yang Berhormat itu kata atas peri kemanusiaan, atas kerjasama membayar, itu perkara lain. Tetapi Ahli Yang Berhormat itu adalah seorang peguam (lawyer) yang tahu soal ini, kita ikut International Air Regulations yang ada menetapkan pembayaran dan condition. Pembayaran adalah tercatat di dalam tiket, tetapi ada juga orang yang pergi ke mahkamah minta pembayaran pampasan mengikut earnings ataupun earning capacity masing-masing. Itu adalah terpulang kepada mahkamah mana yang patut ataupun berapakah jumlah wang hendak dibayar kepada tiap-tiap orang baik Pilot, Co-Pilot ataupun lain-lain. Jadi oleh sebab perkara ini ada di dalam mahkamah, ini adalah memang susah hendak diselesaikan dengan segera. Tetapi saya boleh memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini dan kepada seluruh negara ini, Kerajaan sedar kesusahan kepada mangsa-mangsa tragedi ini dan sebab itulah kita dengan seberapa boleh menolong kepada keluarga-keluarga, tetapi kalau keluarga-keluarga ini boleh bekerjasama perkara ini boleh selesai dengan segera.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri terangkan apakah cara kerjasama yang beliau minta daripada pihak keluarga supaya perkara ini boleh diselesaikan dengan cepat. Apakah cara itu?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri sudah beritahu tadi yang sudah meninggal (mati), meninggalkan banyak waris, ada yang minta, ada yang tak bersetuju, ada yang bersetuju. Dengan sebab itu hendak mendapatkan surat kuasa (Letter of Authority) itu yang lambat, jadi hendak bekerjasama dengan pihak Kerajaan.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri menerangkan masalah keluarga si mati. Saya hendak menarik perhatian samada

Kerajaan sedar ataupun tidak ini masalah keluarga Kapten Ganjor yang meninggal. Saya difahamkan iaitu isterinya masih lagi belum menjadi warganegara Malaysia tetapi anaknya itu dilahirkan di Malaysia, jadi kedudukan kerakyatannya belum tentu lagi. Saya hendak tahu bagaimanakah kedudukan keluarga Kapten Ganjor yang telah meninggal dunia akibat daripada tragedi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan ini tidak boleh dimasukkan dalam soal asal ini.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini bahawa tragedi ini bukanlah disebabkan kesilapan keselamatan. Di sini saya hendak tanya sebenarnya apakah sebab-sebab yang mengakibatkan tragedi ini kalau bukanlah disebabkan keselamatan, ke-longgaran keselamatannya.

Tuan Yang di-Pertua: Ini hendak balik semula.

Tuan Chan Teck Chan: Sebab Dewan berhak untuk mengetahui.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri sudah beritahu dalam jawapannya sudah cukup. Beliau kata pada mula-mula dahulu pun pada masa Parlimen Keempat sudah dibincangkan, tadi tambah sedikit lagi. Jadi hendak sebab-sebab apa lagi?

Tuan Chan Teck Chan: Untuk penjelasan. Kerana saya sudah kata ini adalah disebabkan kelalaian keselamatan barulah mengakibatkan perkara ini berlaku. Tadi Yang Berhormat Menteri menjelaskan dan cuba membalas kata ini bukan disebabkan kesilapan keselamatan, maka Dewan Rakyat amnya adalah berhak untuk mengetahui. Maka apakah sebab-sebab yang mengakibatkan tragedi ini berlaku. Kalau keselamatannya baik tentu perkara ini boleh dielakkan dan tidak akan berlaku, sebab itu Dewan Rakyat amnya hendak mengetahui.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah diberitahu Dewan ini, tidak diulang lagi dalam penggal sekarang. Yang Berhormat Menteri ada hendak tambah lagi?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, ini susah hendak dijawab sebab ada orang kata keselamatan ini betul, kita kata keselamatan ada cukup, jadi hendak selesaikan sampai berapa lama pun tak boleh. Hijacking bukan sahaja berlaku di sini tetapi ada juga di beberapa tempat, jadi susah hendak kata, hendak beri puas hati kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sebab kalau mereka tidak mahu puas hati tidak boleh puas hati juga (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri kata beliau tidak bertujuan untuk membentangi laporan ini dalam Dewan ini untuk dibahaskan tetapi bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan satu laporan kepada pihak kita yang mahu satu laporan untuk membaca dan meneliti.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu boleh beli, ada dijual.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri menafikan berulang kali bahawa bukanlah keselamatan yang menjadi punca tragedi ini. Kalau begitu ingin saya tahu daripada Yang Berhormat Menteri bagaimanakah sepucuk pistol atau shot-gun (senjata) dapat dimasukkan ke dalam kapal terbang itu kalau sekiranya keselamatan itu ketat dan baik.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, di beberapa buah negara ada berlaku, sungguhpun equipmentnya moden ada juga berlaku perkara ini. Jadi susah hendak beritahu macam mana kemasukan itu boleh berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan pistol sahaja, machine-gun pun ada masuk (*Ketawa*).

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Saya rasa barangkali Yang Berhormat Menteri belum baca satu laporan dalam *Straits Times* hari ini tentang "hijacking". Di Amerika Syarikat tidak pernah berlaku dalam tempoh masa yang singkat di mana ada "hijacking" yang "fatal" oleh kerana keselamatan di sana sangat ketat dan mereka menyalahkan lapanganterbang-lapanganterbang lain yang tidak mengambil langkah-langkah yang wajar

untuk menjaga keselamatan yang ketat di lapanganterbang-lapanganterbang antara-bangsa.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, soal ini lain tetapi sungguhpun begitu Ahli Yang Berhormat sendiri maklum, umpamanya, Jerman Barat adalah satu negeri di mana ia kawal dengan betul, sungguhpun begitu ada juga terjadi. Begitu juga dalam negeri Jepun atau lain-lain ia jaga betul tetapi ada juga berlaku, jadi sukar hendak menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

USUL-USUL

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17), 1977

Perintah Duti Kastam 1978

Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1978

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2), 1978

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3), 1978

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4), 1978

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5), 1978

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6), 1978

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7), 1978

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8), 1978

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9), 1978

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10), 1978

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11), 1978

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12), 1978

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13), 1978

dan

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14), 1978

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17), 1977.
- (ii) Perintah Duti Kastam 1978
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1978
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2), 1978
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3), 1978
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4), 1978
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5), 1978
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6), 1978
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7), 1978
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8), 1978
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9), 1978
- (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10), 1978
- (xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11), 1978
- (xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12), 1978
- (xv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13), 1978
- (xvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14), 1978

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas Undang-undang No. 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59 dan 60 tahun 1978 disahkan. Perintah-perintah tersebut adalah bertujuan seperti berikut:

- (i) Mengurangkan kadar duti impot ke atas "drawer lock" di bawah No. Kepala Tarif 83.01 300 dari \$1 satu kepada 50 sen satu atau 35% yang mana lebih tinggi dan mengurangkan duti impot dari 40% ke 35% ke atas

bahagian-bahagian kunci (parts of lock) di bawah Kepala Tarif 83.01 200 dan 83.01 400. Ini adalah untuk menyesuaikan tingkat perlindungan tarif ke atas perusahaan membuat kunci yang telah lama dikenakan perlindungan tarif pada tingkat duti impot \$1 satu dan 40% itu, serta pada masa yang sama juga langkah ini bertujuan untuk mengurangkan penyeludupan barang tersebut.

- (ii) Menerbitkan Perintah Duti Kastam, 1978 yang baru untuk menggantikan Perintah Duti Kastam, 1977. Perintah Duti Kastam, 1978 ini melibatkan pemindahan ukuran, kadar cukai dan "unit of quantity" yang terdapat di Perintah Duti Kastam, 1977, ke sistem metrik. Selain dari itu pecahan-pecahan kecil (sub-headings) Kepala Tarif telah dipinda untuk menyesuaikan dengan prinsip Standard International Trade Classification (SITC). Pada keseluruhannya tidak ada apa-apa pindaan yang dilakukan selain daripada pindaan ke sistem metrik tersebut.
- (iii) Membetulkan kesilapan yang telah berlaku ke atas Perintah Duti Kastam 1978 iaitu untuk mengeluarkan Labuan daripada peruntukan pengenaan cukai tokok sebanyak 5%.
- (iv) Mengurangkan kadar duti impot ke atas "vacuum flask" di bawah No. Kepala Tarif 70.12 000, 98.15 100 dan 98.15 900 dari kadar 25% atau \$1/\$1.25 satu kepada kadar 15% sahaja. Ini berikutan dengan perusahaan membuat "vacuum flask" tersebut telah memberhentikan pengeluarannya dan ianya tidak perlu lagi diberi perlindungan tarif. Bagaimanapun cukai sebanyak 15% adalah dikekalkan kerana ianya merupakan cukai untuk mendapatkan hasil.
- (v) Mengenakan duti impot sebanyak 66 sen se litre ke atas "paraquat salts" di bawah No. Kepala Tarif 29.35 930 yang bertujuan untuk memberi perlindungan tarif ke atas perusahaan membuat barang ini.
- (vi) Mengenakan duti impot sebanyak 10% ke atas "paper cones" di bawah Kepala Tarif 48.20 100 yang bertujuan untuk memberi perlindungan tarif ke atas perusahaan membuat barang tersebut.

- (vii) Menaikkan kadar duti impot dari 20% kepada 35% ke atas 'calcium carbide' di bawah Kepala Tarif 28.56 100 dan duti impot dengan kadar 35% ke atas "ferro silicon" di bawah Kepala Tarif 73.02 200 yang bertujuan untuk memberi perlindungan tarif ke atas perusahaan membuat barang-barang tersebut.
- (viii) Menaikkan kadar duti impot dari 35% kepada 45%, dari 30% kepada 45% dan dari 25% kepada 45% ke atas "stereo-grams" di bawah Kepala-kepala Tarif 85.14 120, 85.14 130, 85.15 519 dan 85.15 539 yang bertujuan untuk memberi perlindungan tarif kepada perusahaan membuat barang tersebut.
- (ix) Mengenakan duti impot sebanyak 25% ke atas "firebrick" dan "other refractory materials" di bawah Kepala Tarif 69.01 000 dan 69.02 000 yang bertujuan untuk memberi perlindungan tarif ke atas perusahaan membuat barang-barang tersebut.
- (x) Menghapuskan duti impot sebanyak 7% ke atas emas bungkal di bawah Kepala-kepala Tarif 71.07 100, 71.07 190, 71.07 200, 71.07 290 dan 71.08 000, dan mengurangkan duti impot dari kadar 15% kepada 5% ke atas "loose diamond" di bawah Kepala-kepala Tarif 71.01 100, 71.01 900, 71.02 200, 71.02 400, 71.02 920 dan 71.02 990. Ini adalah bertujuan untuk membantu perusahaan membuat barang-barang emas dan intan berlian, terutamanya dari persaingan impot. Sebelum kadar-kadar cukai tersebut dikurangkan barang-barang buatan tempatan boleh dikatakan lebih mahal dengan yang diimpot kerana cukai-cukai dikenakan. Dengan pengurangan cukai ini pembuat-pembuat barang-barang emas dan intan berlian dapat memberi faedah dengan mengurangkan harga kepada pengguna-pengguna.
- (xi) Mengubah struktur duti eksport ke atas lada hitam dan lada putih yang bertujuan untuk menyesuaikan dengan perkembangan perusahaan ini. Di samping itu pindaan struktur duti eksport ini adalah bagi mengambilkira kenaikan kos pengeluaran yang dihadapi oleh penanam-penanam lada.
- (xii) Mengurangkan duti impot dari 50% kepada 25% ke atas tikar sembahyang di bawah Kepala 58.01 110 dan 58.02 110. Ini adalah kerana pada masa yang lepas tikar sembahyang pernah dikenakan duti impot sama dengan kadar yang dikenakan ke atas permaidani. Sepatutnya tikar sembahyang dikenakan duti yang lebih rendah seperti yang disebutkan di atas.
- (xiii) Menaikkan kadar duti impot dari 10% kepada 25% ke atas "centrifugal pump" yang berukuran dalam (inlet diameter) tidak lebih daripada 200 mm di bawah Kepala Tarif 84.10 310 yang bertujuan untuk memberi perlindungan tarif ke atas perusahaan membuat barang tersebut.
- (xiv) Mengenakan duti impot sebanyak 25% ke atas 'industrial explosives' di bawah Kepala 36.02 000 yang bertujuan untuk memberi perlindungan tarif kepada perusahaan membuat barang tersebut.
- (xv) Mengurangkan kadar duti impot dari "10 cent per metre for a width not exceeding 2.54 cm and for every additional 2.54 cm or part thereof, an additional 10 cent per metres" kepada "5 cent per metre for a width not exceeding 2.54 cm and for every additional 2.54 cm or part thereof, an additional 5 cent per metre" ke atas "carbon ribbon" yang diperbuat dari kain di bawah Kepala Tarif 98.08 110, dan mengenakan duti impot 20% ke atas "carbon ribbon" yang diperbuat dari plastik atau selain dari kain di bawah Kepala Tarif 98.08 190. Ini adalah bertujuan untuk mengurangkan duti perlindungan ke atas perusahaan membuat "carbon ribbon" sesuai dengan tingkat perkembangan perusahaan ini.
- (xvi) Menaikkan kadar duti impot dari \$1.97 se metrik tan kepada \$17 se metrik tan ke atas "ordinary portland cement" di bawah Kepala Tarif 25.23 900. Kenaikan duti ini bertujuan untuk memberi perlindungan tarif kepada perusahaan membuat simen di Sabah dan Sarawak sahaja tetapi tidak di Semenanjung. Pengimpotan simen ke Semenanjung diberi pengecualian duti impot yang melebihi dari kadar \$1.97 se metrik tan tersebut.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17), 1977
- (ii) Perintah Duti Kastam 1978
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1978
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2), 1978
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3), 1978
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4), 1978
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5), 1978
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6), 1978
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) No. 7), 1978
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8), 1978
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) No. 9), 1978
- (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10), 1978
- (xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11), 1978
- (xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12), 1978
- (xv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13), 1978 dan
- (xvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14), 1978

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas Undang-undang No. 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59, dan 60 tahun 1978 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 2), 1977

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 2), 1977 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis itu sebagai Kertas Undang-undang No. 61 tahun 1978 disahkan.

Perintah ini diperlukan kerana Perintah Duti Kastam 1977 telah digantikan dengan Perintah Duti Kastam 1978 pada 1hb. Januari 1978. Ini hanyalah untuk mengubahsuaikan Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) dengan Perintah Duti Kastam 1978 dan mana-mana Perintah Duti Kastam yang akan berkuat-kuasa kemudiannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967. Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 2), 1977 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 61 tahun 1978 disahkan.

AKTA CUKAI JUALAN, 1972

Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (No. 2), 1978

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam

Seksyen 15, Akta Cukai Jualan, 1972, Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (No. 2), 1978 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 62 tahun 1978 disahkan.

Perintah ini adalah bertujuan untuk mengubahsuai dengan Perintah Duti Kastam 1978 iaitu berubah mengikut sistem metrik dan pecahan-pecahan kecil tarif mengikut prinsip Standard International Trade Classification (S.I.T.C). Pada amnya tiada pindaan-pindaan yang besar yang dilakukan melainkan pindaan kepada sistem metrik sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 15, Akta Cukai Jualan, 1972, Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (No. 2), 1978 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 62 tahun 1978 disahkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1979

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (26hb. Oktober, 1978)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1979

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul

yang berikut dirujuk kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,861,133,382 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1979, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1979 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 33 tahun 1978, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (26hb Oktober, 1978).

3.56 ptg.

Puan Shariffah Dorah binti Mohamed (Semerah): Tuan Yang di-Pertua, menyambung perbicaraan saya pada hari semalam, izinkan saya membawa Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kembali sebentar ke zaman jahiliah, iaitu di zaman jahiliah ketika isteri sakit hendak melahirkan anak maka para-para suami adalah dalam keadaan serba salah sama juga seperti calon-calon menunggu keputusan pilihanraya. Jadi apakala diberitahu kepada pihak suami bahawa isterinya telah melahirkan anak perempuan, maka serta-merta naik lebam, hitam dan biram muka suami, berdukacita dengan sebab mendapat anak perempuan; sambil menoleh ke kiri ke kanan, takut kiranya jiran dapat tahu bahawa dia telah mendapat anak perempuan. Di dalam otak benaknya berfikir, adakah patut anak ini dipelihara dengan penuh kehinaan dan keaiban ataupun ditanam sahaja dalam tanah. Itulah keputusan yang amat buruk yang telah pernah dilakukan.

Sungguhpun begitu, Tuan Yang di-Pertua, hanya dua suku kaum sahaja yang melakukan perkara yang demikian, manakala sebilangan besar daripada orang Arab tidaklah melakukan perkara pembunuhan anak perempuan itu. Tetapi, zaman jahiliah moden ini orang-orang kita adalah melakukan penjenayahan terhadap kandungannya yang belum pun tahu lagi samada anak itu lelaki ataupun perempuan.

Selain daripada itu kita dapati teori-teori dan pil-pil perancang keluarga memanglah diatur dengan sebegitu rapi dan bijak oleh

pihak-pihak yang tertentu dengan tujuan menyekat kelahiran umat, terutama di negara-negara yang sedang membangun di Asia dan Afrika. Tetapi mereka itu di negaranya sendiri tidaklah mengamalkan demikian. Buktinya, Tuan Robert Kennedy sendiri mempunyai 16 orang anak yang bererti ia tidak memakai perancang keluarga.

Di Russia ibu-ibu yang mendapat anak yang ketujuh adalah diberi hadiah, begitu juga di France, pada masa ini oleh sebab mereka telah merasa kesulitan kekurangan tenaga manusia maka orang-orang yang mendapat anak diberi ganjaran dan imbuhan. Jadi negara-negara yang mempunyai bahan-bahan mentah tetapi dalam keadaan sedang membangun inilah yang telah dicuba disekat kelahiran penduduknya supaya negara-negara itu hanya tahu mengekspot sahaja bahan-bahan kekayaannya kepada negara-negara kapitalis yang kaya itu demi untuk mencetak keuntungan.

Harga-harga bahan mentah kita dikawal dan diatur oleh mereka. Mereka itu main kenyit-kenyit mata di belakang kita. Kadang-kadang bila kita gertak hendak minta naikkan sedikit harga getah, kata Amerika Syarikat, "Oh! I am so sorry. Saya pun hendak jual getah simpanan saya."

Tuan Yang di-Pertua: Dia kata macam itu, "I am so sorry". (*Ketawa*)

Puan Shariffah Dorah binti Mohamed: Biasanya dia kata dia hendak jual setok-pail getahnya. Menagih pula kepada Jepun kata Jepun: "Anata nok getah sliwa joto naiyo".

Tuan Yang di-Pertua: Ucapan begini hendaklah minta izin dahulu, baru boleh bercakap bahasa lain (*Ketawa*).

Puan Shariffah Dorah binti Mohamed: Kata Jepun saya punya synthetic rubber adalah lebih baik dan lebih tinggi mutunya daripada getah asli awak. Baliklah Menteri kita dengan tangan hampa. Getah kita cukup baik, cukup tinggi mutunya. Pada pendapat mereka masih juga tidak baik dan tidak bagus lagi. Jadi konklusinya negara-negara yang hanya tahu mengekspot sahaja bahan-bahan mentahnya sampai bila pun tidak boleh jadi umat kelas satu dan jangan mimpi akan dapat jadi kuasa besar. Kalau tidak hendak jadi kuasa besar, setakat berjiwa bersapung jadilah, asal jangan cakap besar sudahlah!

Tujuan yang saya hendak bentangkan di sini ialah mana-mana bahan mentah kita yang boleh diproses sendiri sebelum diekspot eloklah diproses sendiri terlebih dahulu. Dengan yang demikian akan banyak lagi membukakan peluang-peluang pekerjaan. Umpamanya kita banyak dapat permintaan dari Saudi Arabia yang ingin membeli rumah-rumah kayu yang boleh diangkat-angkat dan dipindah-pindahkan dipasang sekeping-sekeping dengan pakai screw. Ini kita belum dapat adakan. Di negara-negara yang mempunyai musim mereka terpaksa memakai tingkap dua lapis, kayu dan kaca. Jadi kisi-kisi tingkap dan pintu juga banyak diperlukan, papan-papan lapis juga sangat-sangat dikehendaki.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Perusahaan membuat tayar celup juga haruslah diberi perhatian kerana bukan semua orang kaya sentiasa hendak beli tayar baru sahaja. Janganlah kita asyik menjemput orang luar sahaja datang melabur, apa tak adakah dayausaha-dayausaha kita sendiri cuba pula pergi menanam modal di negeri orang, kerana modal bagi menjalankan tayar celup ini tidaklah begitu besar?

Memang sudah menjadi undang-undang alam bahawa manusia menggemari seni dan hiburan. Kalau D.J. Dave menyanyi sampai 40,000—50,000 orang sanggup keluar menonton. Agaknya majoritinya orang-orang kitalah, maklumlah hidangan percuma. Tuan Yang di-Pertua, dalam dunia ini benda yang paling sedap sekali ialah barang yang dapat free, ini tak apalah sekali-sekala dan dimulakan pun selepas maghrib. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak perhatian belum lagi diberikan walaupun telah berkali-kali diperjuangkan bahawa penayangan filem-filem di panggung-panggung bermula betul-betul bersaing dengan azan maghrib. Biasanya kuasa tarikan ke panggung ini lebih kuat daripada kuasa tarikan mengabadikan diri kepada Ilahi yang telah mengurniakan nikmat mata, kepala dan kaki hingga wayang itu boleh ditonton. Cuma saya hendak minta jasa baik Kerajaan apalah kiranya dapat mengarahkan supaya semua tayangan first show itu dimulakan pada jam 7.15, tidaklah bersaing dengan azan manghrib jam 6.45 sebagaimana yang berjalan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, mass-media rak-saksa yang paling berkesan dalam membantu kejayaan calon-calon Barisan Nasional tak lain dan tak bukan ialah pihak-pihak akhbar, di mana kita mengucapkan berbilang-banyak terima kasih. Selain daripada itu, guru-guru agama bukan sahaja agen yang berkesan dalam mendidik kerohanian anak-anak kita bahkan guru-guru dan pegawai-pegawai agama juga adalah perantara yang paling berkesan dalam menegakkan Kerajaan yang ada. Asal dekat sahaja pilihan-raya guru-guru agama dan ustaz-ustaz cukup laku; lebih-lebih lagi ketika hendak menentang ideologi PAS. Tetapi tamat sahaja pilihan-raya guru-guru agama ini kurangnya mendapat perhatian. Tetapi Yang Berhormat Menteri Besar Johor ada memberi tumbang haji percuma suami isteri kepada ustaz yang menolong berpenat lelah memberi penerangan dalam pilihan-raya baru-baru ini. Yang tertinggal ialah, guru-guru agama kebangsaan negeri Johor itu merayu bahawa mereka belum lagi menerima bayaran kebelakangan bagi gaji Kabinet walaupun sudah masuk dua tahun. Biasanya guru-guru agama kebangsaan ini di bawah tadbiran Federal maka tentulah State tak mahu bayar. Kalau bawah State sudah lama mukhlisin. Jadi saya berharap agar pembayaran yang dinantikan itu akan dapat dijelaskan dan rasanya anggarannya pun tentulah tidak banyak.

Tuan Yang di-Pertua, apabila politik stabil dan ekonomi mantap banyaklah kemajuan-kemajuan dan pembangunan-pembangunan yang dapat dilaksanakan dengan jayanya. Tanpa keamanan dan kesejahteraan semua rancangan akan tergendala. Rakyat dapat tidur dengan nyenyak, berjalan siang banyak yang dapat dipandang-pandang, berjalan malam banyak yang dapat didengardengar kerana dalam motokar masing-masing ada radio, televisyen ada cartridge dan lain-lain, kurangnya kebimbangan kita, ialah kerana kesungguhan dan keikhlasan pasukan keselamatan kita menjalankan tugasnya dengan penuh perasaan tanggungjawab. Kita amat terhutang budi dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang mempunyai kecekapan dan kebolehan yang tinggi dan amat kita kagumi. Cuma saya berharap pegawai-pegawai polis dan tentera kita hendaklah diberi latihan yang lebih intensif lagi di dalam memegang dan menggunakan senjata kerana mereka ini selalu lengit dengan

perompak-perompak dan penyamun-penyamun serta gangster-gangster yang bertindak terang-terang di hadapan mereka. Penjahat-penjahat itu malar sahaja terlepas tak dapat ditangkap. Cuma kalau perompak bumiputra sahaja cepat dapat ditangkap. Maklumlah orang tak biasa jahat, jadi kekok dan takut masih ada. Salah satu daripada faktor kegagalan ini ialah kerana pegawai-pegawai polis kita menggunakan senjata kokak, revolver ala-cowboy yang ropak. Dari itu saya dengar ada ura-ura dan usaha hendak melengkapkan mereka dengan senjata moden yang lengkap. Diharap dapat dipercepatkan. Yang sedihnya, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kuatnya usaha menguatkan pasukan keselamatan maka sekuat itu pula dorongan-dorongan untuk melakukan jenayah diperluaskan sebagaimana yang tersiar dalam akhbar *Berita Harian* semalam muka penghabisan di mana pihak polis sendiri diminta membatalkan lesen permainan pin-ball iaitu satu jenis permainan judi dalam bentuk hiburan. Dewan Bandaraya telah mengeluarkan 60 lesen penggunaan pin-ball di tempat-tempat hiburan di seluruh Wilayah Persekutuan. Ketua Polis Daerah Campbell meminta dibatalkan lesen permainan tersebut. Jadi pegawai keselamatan sedikit, penjenayah bertambah banyak, macam mana hendak dikawal. Kalau dahulu suri-suri rumah tangga; anak-anak gadis ngeri dan gerun mendengar kalimat judi tetapi pada hari ini dengan adanya judi tikam ekor pukul 7.30 pagi kedai-kedai judi tikam ekor telah penuh di kunjungi oleh kecil besar, yang berselandang dakwah pun tercegat beratur hendak membeli ekor. Inilah sebabnya sekarang kain-kain baju terutama sekali seluar tak boleh tersidai di luar. Periuk belanga, kualiti pun dicuri, bukan sahaja oleh penagih dadah bahkan juga oleh penagih-penagih judi. Saya berharap jenis-jenis judi yang ada itu segera dihapuskan dan janganlah pula judi-judi jenis baru diperkenalkan dan diketengahkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya berharap usaha semua perajurit yang bersara itu dihantar ke FELDA semata-mata, mereka itu mempunyai trade dan kemahiran di bidang masing-masing. Bukankah kita banyak mendapat permintaan membeli bot-bot kecil dan besar bagi menangkap ikan dari dalam dan luar negeri, alangkah baiknya jika pesara-pesara Tentera Laut itu dilibatkan dalam usaha membina bot-bot ini membaiki kapal dan akhirnya membina kapal.

Tentulah ini sesuai dengan jiwa mereka kerana kita kerja kalau tak sesuai dengan jiwa dan kecenderungan kejayaannya tidak besar. Bagi pesara Angkatan Tentera Udara, sayugia disalurkan mereka ke Bahagian Engineering yang mana kita sangat kekurangan dan juga bekas-bekas Tentera Darat membantu dalam usaha-usaha pembangunan yang lain seperti membina jalanraya, membuka hutan dan perkampungan baru, biarlah banyak lagi tanah yang dibuka, tanaman diusahakan, perkampungan ditegakkan, perbandaran dimajukan supaya rakyat dapat hidup dalam kenikmatan dan dengan demikian akan mempunyai lebih banyak masa untuk mengabdikan diri kepada Tuhan.

Tuan Yang di-Pertua, pendapat saya dalam teks Laporan Ekonomi 1978/79 berura-ura hendak mengelakkan usaha membuka lebih banyak tanah dengan alasan takut meleset, barang banyak di pasaran tetapi tidak ada pembelian eloklah dibatalkan, demi mengurangkan pengangguran dan menurunkan peratus penjenayah.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengar Koperasi Nita Jaya telah berjaya mengumpulkan modal yang besar dan kebanyakannya telah dibelikan saham-saham dalam emporium-emporium yang mana gadis-gadis kita telah diambil bekerja sebentar untuk mengabui mata dan dalam masa tidak berapa lama dibuang semula.

Saya nampak pihak-pihak tentera bila pergi operasi adalah dibekalkan dengan kelambu, hospital-hospital memerlukan cadar dan sarung bantal, pejabat-pejabat memerlukan banyak typist, sekolah memerlukan banyak uniform. Perusahaan kain songket hampir pupus kerana cukai benang emas yang terlalu mahal dan tidak ada orang yang hendak mengerjakannya.

Jadi, saya ingin mencadangkan sekiranya Koperasi Nita Jaya ini berusaha membuka bengkel-bengkel jahitan, kelas-kelas typing dan perusahaan-perusahaan tangan di seluruh negeri, sekiranya kita tidak ada guru-guru yang berkelayakan bolehlah kita minta guru kontrek daripada luar dan kemudiannya kita meminta supaya jadi pembekal kepada semua Kementerian yang memerlukan perkara-perkara yang disebutkan itu. Saya fikir ini bukan sahaja akan menguntungkan tetapi akan mencapai matlamat yang utamanya iaitu dapat banyak memberi peluang-peluang

pekerjaan kepada wanita-wanita kita daripada mereka memburu kemewahan ke sana ke mari lalu memperdagangkan maruah dengan apek tua kemudian ditangkap dan disimpan di rumah-rumah pemulihan akhlak dengan memerlukan ongkos dan perbelanjaan yang begitu banyak. Kata hukama: "gerakan tangan rezeki ringan".

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perusahaan yang boleh dan ada harapan mendapat pasaran yang baik dan boleh dijalankan di negara kita ini ialah perusahaan air madu (honey). Air madu mempunyai kuasa dua hala. Kalau kita terlampau kerap sangat buang air pun ubatnya minum air madu, kalau kita sembelit payah buang air pun minum air madu, orang yang hendak mati pun biasanya disudukan air madu. Dalam Quran ada surah khas yang dinamakan surah An-Nahl menceritakan hal-hal lebah iaitu satu jenis serangga yang paling bersih dan mengumpulkan bahan-bahan yang bersih daripada bunga-bunga. Dahulu lagi orang-orang tua kita yang tidak pernah belajar sains itu telah tahu akan khasiat air madu. Kalau malam ini anaknya jadi pengantin baharu besok pagi orang tua itu sudah tunggu di muka pintu dengan cawan kecil; kerana minum ubat ini tidak boleh menggunakan cawan besar dan suami tidak boleh tahu (*Ketawa*). Dalam cawan itu disediakan ibu kunyit, kuning telur dan air madu kerana ini ubat teruk (*Ketawa*). Angkatan lama kita dengar jarang yang melakukan madu atau poligami mungkin agaknya kerana mereka telah mencapai, istilah ekonomi kalau tidak salah, telah mencapai equilibrium yang optima, telah mencapai kepuasan yang maksima.

Tuan Yang di-Pertua, pelumba-pelumba basikal Malaysia pergi ke Australia dan bertanya kepada pelumba-pelumba basikal di sana "Fasal apa engkau tidak mengah, tidak semput dan stamina kuat?" Pelumba-pelumba basikal dari Australia itu menjawab, "Saya hari-hari makan daging, susu dan minum air madu". Baharu-baharu ini tentu Ahli-ahli Yang Berhormat semua tentu tahu rahsia kejayaan bagaimana Mohd. Ali merampas balik kejuaraannya. Bila diinterview oleh pemberita-pemberita akhbar jawabnya, "saya minum air madu dan banyak makan buah-buahan." Jadi kita harap Ahli-ahli sukan kita yang akan mengambil bahagian di Pesta Sukan di Bangkok tidak lama lagi

akan bersedia betul-betul dan tidaklah memadai minum glucose sahaja. Yang Berhormat Menteri Kewangan pun sudah menurunkan cukai buah-buahan dan air madu banyak terdapat dalam pasaran daripada Australia dan Amerika. Agaknya inilah yang pernah kita dengar bahawa Australia adalah joint-venture dengan Malaysia dalam membuat perusahaan air madu. Kalau ada bumi-putra yang hendak mencuba di lapangan ini, eloklah diberi sokongan kerana permintaan sangat tinggi dan baik.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya berdoa semoga ijtihad dan eksperimen Yang Berhormat Menteri Kewangan akan banyak memberikan manfaat, faedah dan keringanan. Dengan yang demikian dapatlah rakyat hidup gembira sejahtera gagah dan bangga sebagaimana yang dicita-citakan. Dengan yang demikian, saya menyokong usul Belanjawan ini.

4.15 ptg.

Tuan P. Patto (Menglembu): Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 20hb Oktober, 1978.

Dalam ucapan Belanjawannya Menteri Kewangan telah berkata bahawa perbelanjaan bagi Pengurusan dan Pembangunan akan memberi keutamaan yang lebih kepada usaha membasmi kemiskinan, mengurangkan pengangguran, serta meneruskan proses menyusun semula masyarakat kita dalam rangka Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Ketiga.

Daripada jumlah peruntukan Belanjawan sebanyak \$13,750 juta, 64.2% adalah untuk perbelanjaan Mengurus dan 35.8% adalah bagi Perbelanjaan Pembangunan. Namun demikian, Menteri Kewangan telah memberi amaran istimewa bahawa Perbelanjaan Pembangunan akan ditambah apabila Kajian Penggal Pertengahan Rancangan Malaysia Ketiga selesai. Jadi, ini adalah bererti bahawa Belanjawan 1979 yang rupa-rupanya ringan dan "konsesif" akan menjadi raksaksa atau "monstrous" apabila cukai-cukai baru dikenakan dalam masa tahun depan.

Menteri Kewangan memang akan enggan beralih daripada jalan-jalan "predecessor" beliau dengan alasan bahawa Kerajaan akan mengelilingi dunia minta sedekah dan meminjam untuk menjalankan projek-projek

pembangunan yang rupa-rupanya dirancang untuk menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan. Meminta sedekah dan meminjam adalah menjadi tabiat tetapi dahulunya Kerajaan Perikatan dan sekarang pula Kerajaan Barisan Nasional. Belanjawan 1979 berkurangan pembaruan atau "innovation" yang diharap-harap oleh rakyat miskin di negara kita.

Menteri Kewangan telah memberi penjelasan bahawa perbelanjaan bagi tahun depan akan selaras dengan matlamat-matlamat yang tercatat dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan juga selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Dasar Ekonomi Baru telah menetapkan matlamat untuk mencapai 30% penyertaan dan pemilikan Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian ekonomi kita menjelang 1990.

Orang-orang bukan Melayu tidak bersungut atas mana-mana orang Melayu atau Bumiputra dari mengambil bahagian cergas dalam ekonomi kita dan tidak juga menentang bantuan Kerajaan yang telah diberi dalam bidang-bidang ini kepada orang-orang Melayu dan Bumiputra yang benar-benar miskin.

Tuan Ismail bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 13 qoram tidak cukup.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya minta maaf, tolong ulangkan sekali lagi.

Tuan Ismail bin Arshad: Mengikut Peraturan Mesyuarat 13 qoram tidak mencukupi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sebenarnya apabila saya masuk tadi, saya sudah kira semuanya ada 33 orang dan sudah keluar dua atau tiga orang dan masih ada lagi 29 orang kalau tidak salah saya. Sila bunyikan locing.

(Locing dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Menglembu teruskan ucapan.

Tuan P. Patto: Terima kasih, Tuan Speaker. Saya menyambung semula ucapan saya.

Tetapi, apa yang menyakitkan hati orang-orang bukan Melayu dan rakyat Malaysia amnya ialah penyalahgunaan Dasar Ekonomi Baru dan bantuan Kerajaan oleh segelintir

pemimpin-pemimpin UMNO atasan yang bercita-cita menjadi jutawan dan separuh jutawan (half-millionaires). Dasar Ekonomi Baru adalah dipergunakan oleh orang-orang atasan dalam UMNO untuk mengayakan diri mereka sepertimana terbukti dalam pembelian saham-saham yang dikeluarkan dengan harga yang lebih murah daripada harga pasaran di Kuala Lumpur Stock Exchange.

Adalah difahamkan bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menyenaraikan di bawah kepala "Kementerian" pertubuhan-pertubuhan Bumiputra dan individu-individu Bumiputra yang diluluskan yang boleh menerima peruntukan-peruntukan saham terlebih dahulu. Adalah juga difahamkan bahawa peraturan-peraturan Kerajaan menyatakan bahawa syarikat-syarikat Bumiputra yang berdaftar dihadkan kepada 5,000 saham baru manakala individu-individu Bumiputra dihadkan kepada 2,000 saham sahaja. Tetapi lain-lain orang awam hendaklah tertakluk kepada "balloting" dan setiap individu itu hanya boleh membeli 1,000 saham.

Di bawah kepala "Kementerian" inilah kita nampak tokoh-tokoh UMNO atau UMNO-putra mengumpulkan saham-saham dengan sewenang-wenangnya dengan harga yang lebih rendah daripada harga "current" dengan melebihi had 2,000 saham bagi setiap individu Bumiputra.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian merangkap Timbalan Perdana Menteri telah membela tindakan Kementerianannya dengan mengatakan bahawa sejak beliau menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian beliau telah mengarah bahawa orang-orang individu yang disenaraikan di bawah Kepala "Kementerian" tidak boleh membeli lebih dari 1,000 saham seorang.

Apakah gunanya kita mengadakan peraturan-peraturan jika sekiranya peraturan-peraturan itu tidak dipatuhi. Adalah dipercayai seorang Menteri Pusat iaitu Menteri Kebajikan Am telah membeli 5,000 saham dalam Syarikat Kuala Lumpur—Kepong di mana syarikat tersebut telah mengeluarkan 15 juta saham-saham tambahan kepada orang-orang Bumiputra. Perkara ini telah dibongkarkan dalam majallah *Far Eastern Economic Review* dalam keluarannya pada 6hb Oktober tahun ini.

Adakala Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri UMNO termasuk Ahli Majlis Kerja Kerajaan Negeri (EXCO) dan pemimpin-pemimpin UMNO tempatan telah dikeluarkan di antaranya ada yang menerima sebanyak 51,000 saham bagi seseorang individu. Apakah Menteri Perdagangan dan Perindustrian kita hendak meyakinkan orang ramai bahawa pembelian saham-saham ini adalah selaras dengan peraturan-peraturan yang ditentukan oleh Kementerianannya sendiri? Bukankah menjadi satu kenyataan bahawa UMNO-putra ini yang membeli saham-saham dengan harga yang terlalu rendah menjualkan saham-saham itu kepada orang-orang lain dan memperolehi keuntungan yang besar dan dengan demikian menjadi kaya dengan sekelip mata.

Adalah nyata UMNO-putra-UMNO-putra ini sedang mengumpulkan kekayaan atas nama Dasar Ekonomi Baru yang mana dasar tersebut telah menetapkan sebagai matlamatnya pencapaian 30% penyertaan Bumiputra dalam ekonomi negara sebelum tahun 1990. Dasar Ekonomi Baru yang dirangka untuk membantu orang-orang Melayu dan Bumiputra yang miskin tidak sebenarnya menguntungkan Bumiputra-bumiputra yang berpendapatan rendah. Jika Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan begini, saya tak akan hairan jika matlamat pemilikan 30% dalam ekonomi negara oleh orang-orang Bumiputra sebelum tahun 1990 akan sebenarnya menjadi pemilikan 30% ekonomi negara oleh UMNO-putra-UMNO-putra.

Dalam hal ini, Tuan Speaker, ingin saya merujuk kepada ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Ulu Trengganu dan saya minta izin untuk quote, Tuan Speaker. Beliau ada berkata: "Saya sendiri berfikir bahawa kalau melalui Dasar Ekonomi Baru kita berjaya melahirkan 100 atau 1,000 Malay millionaires, saya rasa Dasar Ekonomi Baru sudah berjaya."

Tuan Speaker, sudahlah jelas bahawa adakalanya di kalangan Back-benchers Kerajaan yang menjadi pemimpin-pemimpin di peringkat bawahan yang sudahpun mempunyai sikap bahawa sekiranya ada 100 atau 1,000 Malay millionaires maka sudahlah tercapai matlamat Dasar Ekonomi Baru tanpa mempedulikan berapa ribu, berapa juta rakyat orang-orang Melayu dan Bumiputra miskin menderita di kampung-kampung.

Tuan Speaker, kita tahu bahawa dengan adanya 100 atau 1,000 Malay millionaires, maka ada pemimpin-pemimpin yang akan menggosok dada mengatakan Dasar Ekonomi Baru sudah tercapai. Jadi soalnya sekarang adakah Dasar Ekonomi Baru ini sebenar-benarnya untuk menolong, membantu orang-orang Melayu yang benar-benar miskin ataupun sepertimana dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu untuk mewujudkan satu golongan segelintir manusia 100 orang atau 1,000 Malay millionaires dan dengan adanya 100 atau 1,000 Malay millionaires, maka sudah tercapailah matlamat Dasar Ekonomi Baru? Tuan Speaker, saya berharap

Tuan Alias bin Md. Ali: Kalau Ahli Yang terhormat itu boleh beri jalan. Saya mengatakan bahawa kalau kita berjaya melahirkan 100 atau 1,000 Malay millionaires dalam proses—Ahli Yang Berhormat dari Menglembu missed the point—dalam proses mengimplemantasi Dasar Ekonomi Baru iaitu 30% dalam ekonomi negara, ertinya kalau kita sudah capai 30% target itu dan di samping itu kita boleh pula melahirkan 100 atau 1,000 Malay millionaires maka itu satu bonos bagi kita.

Tuan P. Patto: Tetapi saya quote daripada apa yang diucapkan dan dikeluarkan di dalam Penyata Rasmi Parlimen. Kalau sekiranya apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu salah, maka saya mintalah Ahli Yang Berhormat itu membuat pembetulan segera dengan pihak Parlimen supaya jangan disalah tafsir, disalah quote nanti kalau sekiranya apa yang dikata itu benar, tetapi saya quote dan saya beri pandangan saya tertakluk kepada apa yang termaktub di dalam Penyata Rasmi ini.

Tuan Speaker, nampaknya Kerajaan berminat mengujudkan segelintir jutawan-jutawan UMNO-putra dan separuh jutawan untuk berganding bahu dengan jutawan-jutawan/MCA-putra dan MIC-putra serta juga dengan jutawan-jutawan Gerakan-putra.

Partai DAP menyeru Kerajaan menghentikan trend ini di mana UMNO-putra-UMNO-putra ini mengumpul kekayaan atas nama orang-orang Bumiputra dan Dasar Ekonomi Baru dan sebaliknya menumpukan usah-usahanya untuk membantu orang-orang Melayu dan Bumiputra yang benar-benar miskin.

Tuan Speaker, Menteri Kewangan telah berucap tentang kestabilan ekonomi untuk mencapai matlamat-matlamat yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Ketiga. Kita tidak boleh mengadakan kestabilan ekonomi jika sekiranya terdapat rasa tidak percaya dan sikap tidak bertoleransi yang meluas di antara golongan-golongan ugama dan kaum-kaum di Malaysia.

Tuan Speaker, wang awam yang dibelanjakan untuk perkhidmatan dan pembangunan tidak akan berhasil jika trend rasa tidak percaya dan sikap tidak bertoleransi ini berterusan di negara ini. Kerajaanlah yang mesti disalahkan kerana menciptakan keadaan "divisiveness" dengan menafsirkan rakyat Malaysia sebagai "Bumiputra" dan "bukan Bumiputra". Ini bukanlah baik untuk mencapai perpaduan negara. Kebanyakan rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan adalah berasaskan untuk membantu orang-orang Bumiputra di satu pihak dan orang-orang bukan Bumiputra di satu pihak yang lain. Penafsiran ini di mana rakyat ditafsirkan ke dalam golongan-golongan hendaklah dihentikan.

Amaran tentang bahayanya menafsirkan orang-orang ke dalam Bumiputra dan bukan Bumiputra telah diberi oleh "Bapa Malaysia" kita, Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri kita yang pertama dalam upacara "installation" Kelab Singa Georgetown di Pulau Pinang pada 27-7-1975. Amaran ini hendaklah dipatuhi oleh Kerajaan. Beliau berkata :

(Dengan izin) "No country can be safe while its people are divided. We tried to work on the theme of Malaysian-mindedness, but with so much emphasis on Bumiputras and non-Bumiputras, the people began to think again of their racial origins. No effort to achieve Malaysian-mindedness can fully be successful unless there is less thought and talk on one's racial outlook and belonging but more on Malaysia as our home."

Tuan Speaker, pemusnahan kuil-kuil dan patung-patung Hindu telah berlaku di merata-rata tempat di negara ini dalam setahun ini. Perbuatan memusnahkan kuil-kuil dan patung-patung Hindu ini bukanlah dilakukan oleh penceroboh-penceroboh dan orang-orang yang tidak bersiuman seperti mana dikatakan oleh pihak polis.

Orang-orang Hindu tidak sanggup menerima tuntutan yang dibuatkan oleh pihak Polis selagi satu siasatan yang menyeluruh diadakan ke dalam perbuatan memusnahkan kuil-kuil dan patung-patung Hindu . . .

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: (*Bangun*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: (*Kepada Tuan P. Patto*) Ahli Yang Berhormat beri jalan?

Tuan P. Patto: Boleh saya tahu apa order, Tuan Speaker?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: On a point of order. Saya rasa Ahli Yang Berhormat bangkitkan perkara *sub judice*; kejadian di Kerling itu *sub judice*.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, saya tidak sentuh tentang kejadian di Kerling. Kejadian Kerling itu *sub judice*, saya bersetuju.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bukan Kerling—am!

Tuan P. Patto: Terima kasih, Tuan Speaker. Dan patung-patung Hindu di Seremban, Kajang, Kuala Lumpur dan lain-lain tempat. Bukan sahaja kuil-kuil dan patung-patung Hindu dimusnahkan tetapi juga kuil-kuil dan patung-patung China juga turut dimusnahkan.

Selain daripada golongan atau golongan-golongan ini yang bertujuan menghinakan agama Hindu dan cara sembahyang orang-orang China, pegawai-pegawai Kerajaan juga telah menyumbang menegakkan perasaan tidak selamat di kalangan orang-orang Hindu.

Perobohan dua kuil Hindu di Batang Berjantai dan di kawasan San Peng di Kuala Lumpur oleh Kerajaan merupakan dua contoh yang ketara tentang sikap tidak bertoleransi agama di negara ini. Orang-orang yang beragama Hindu menghormati Perlembagaan negara dan juga menghormati agama-agama lain yang ujud di negara ini. Malah, Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan menyatakan:

(*Dengan izin*) "Islam is the religion of the Federation; but other religion may be practised in peace and harmony in any part of the Federation."

Agama Hindu merupakan agama yang paling lama yang ujud di negara ini dan juga terdapat bukti-bukti bahawa agama Hindu dan juga cara hidup menurut agama Hindu telah ujud di bahagian dunia ini untuk beribu-ribu tahun. Orang-orang yang beragama Hindu telah mengamalkan kepercayaan mereka secara aman dan damai tanpa mengacau atau menghina agama-agama lain. Tetapi pada hari ini, agama Hindu telah diancam tentang "existence" nya dari puak-puak yang tertentu dan juga menghadapi bahaya bahawa ia mungkin tidak akan diamalkan di negara ini secara aman dan damai.

Tuan Speaker, jaminan Perlembagaan bahawa setiap orang berhak menganut dan mengamalkan agamanya sendiri sedang secara sistematik dihancurkan dengan perbuatan-perbuatan memusnahkan kuil-kuil dan patung-patung Hindu. Terdapat rasa ketakutan yang ujud di kalangan orang-orang Hindu bahawa hak Perlembagaan mereka untuk menubuh dan menyelenggarakan institusi-institusi untuk tujuan-tujuan agama sedang diancam dengan seriusnya.

Pemusnahan dan pencerobohan kuil-kuil dan patung-patung ini tidak boleh dikatakan bahawa ianya merupakan perbuatan-perbuatan pencerobohan sahaja dan sebaliknya satu siasatan yang menyeluruh hendaklah dijalankan untuk menentukan motif-motif mereka yang terlibat dalam perbuatan-perbuatan memusnah dan mencerooboh ini.

Selain dari perbuatan-perbuatan memusnah dan menceroobohkan kuil-kuil dan patung-patung Hindu, satu kempen untuk menghinakan agama Hindu sedang dijalankan melalui penerbitan-penerbitan yang telah pun diberikan lesen oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Majallah bulanan bernama "Dian Digest" yang dikeluarkan dalam Bahasa Malaysia telah memuatkan satu cerpen dalam keluaran bulan September ini di bawah tajuk "Jejawai Berjanggut panjang" ditulis oleh Mohd. Mansur Abdullah. Cerpen ini mengejek-ejekkan agama Hindu sehingga penulis cerpen tersebut telah menghinakan orang-orang yang sembahyang kepada patung-patung (idol worshipping).

Penulis tersebut telah mengejek-ejek dan menghinakan agama Hindu dengan sewenang-wenangnya tanpa menghormati perasaan orang-orang yang beragama Hindu di negara ini. Nampaknya penulis tersebut telah

menggunakan majallah sebagai alat untuk mengejek-ejek serta menghinakan ugama Hindu.

Majallah-majallah seumpama inilah yang menyumbang ke arah mengujudkan keadaan tegang yang tidak perlu di antara berbagai kaum-kaum di negara ini. Dalam pada ini, saya menyeru Kerajaan mengharamkan majallah ini dan mengambil tindakan terhadap penulis dan penerbit majallah tersebut.

Tuan Speaker, beribu-ribu juta ringgit telah dibelanjakan untuk pelajaran dari peringkat sekolah rendah ke universiti. Pelaburan ini oleh Kerajaan hendaklah menghasilkan tenaga manusia yang terlatih dalam semua lapangan.

Tahun lepas, banyak telah diperkatakan bukan sahaja di dalam universiti-universiti tetapi juga di luarnya oleh orang ramai tentang kontroversi mengenai pakaian yang dipakai oleh para graduan di upacara konvokasi Universiti Teknologi. Adalah amat mengganggu untuk perhatikan bahawa perkara-perkara seumpama ini telah dibenarkan oleh pihak Universiti dan Kerajaan untuk berlaku lebih dari sekali di kampus berkenaan.

Tuan Speaker, untuk dua tahun yang lalu ini, graduan-graduan bukan Melayu di Universiti Teknologi diminta memakai songkok dan baju Melayu dalam upacara Konvokasi. Graduan-graduan bukan Melayu telah memulaukan upacara konvokasi tahun lalu dan itu sepatutnya menjadi pengajaran kepada mereka yang ingin memaksa orang-orang lain memakai pakaian yang dipilih mereka. Tetapi orang-orang yang berkenaan ini juga menegaskan bahawa graduan-graduan bukan Melayu harus memakai songkok dan baju Melayu dalam upacara konvokasi.

Graduan-graduan bukan Melayu telah berdiri tegas dan mempertahankan hak mereka untuk memakai baju yang boleh diterima oleh mereka dalam upacara konvokasi itu. Graduan-graduan bukan Melayu telah enggan menghadiri dalam upacara konvokasi berkenaan kerana mereka dikehendaki memakai songkok dan baju Melayu.

Persatuan Pelajar sebaliknya telah menuntut bahawa semua graduan termasuk graduan-graduan bukan Melayu hendaklah memakai songkok dan baju Melayu. Apabila kompromi tidak dapat diadakan di antara

dua-dua puak ini, upacara konvokasi tersebut terpaksa ditangguhkan "indefinitely" disebabkan sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

Parti DAP menyalahkan pihak universiti dan juga Kementerian Pelajaran atas apa yang telah jadi ini. Kedua-dua pihak ini telah gagal memupuk nilai-nilai toleransi dan penghormatan di antara pelajar-pelajar terutama sekali di kalangan pelajar-pelajar Melayu terhadap kebebasan dan kebudayaan lain-lain bangsa.

Tuan Speaker, kerana kepentingan perpaduan negara, muhibbah dan harmoni, tidaklah patut bagi satu-satu golongan betapa besar bilangannya pun untuk cuba dan mengenakan kehendak mereka ke atas golongan-golongan lain.

Tidaklah boleh satu-satu bangsa atau golongan ethnik menggunakan "hegemony" politik, sosial dan kebudayaan ke atas golongan-golongan lain. Amalan demokrasi kebudayaan adalah "compatible" dan "consistent" dengan perkembangan perpaduan negara dan kesedaran identiti nasional. Dan ini telahpun dibuktikan dengan kejayaan beberapa negara yang berbilang bangsa dan berbilang kebudayaan seperti Switzerland, Canada, the Soviet Union, Republik Rakyat China dan lain-lain lagi.

Insiden Universiti Teknologi hanya telah mendedahkan betapa getasnya perpaduan negara dan toleransi kebudayaan di kampus-kampus universiti.

Usaha-usaha yang telah dibuat oleh Lembaga Perpaduan Negara adalah sangat-sangat tidak mencukupi. Dan status yang diberi kepada Lembaga ini hanya membuktikan perhatian yang berat tidak diletak atas perpaduan negara oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Oleh yang demikian, saya syorkan Lembaga Perpaduan Negara ini dibubar dan digantikan dengan satu Kementerian Perhubungan Kaum (Race Relations Ministry) yang bertanggungjawab secara langsung kepada Parlimen dan yang juga bertanggungjawab untuk memupuk perpaduan negara dengan mengkaji semula segala dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan.

Tidaklah boleh dinafikan hakikat bahawa rasuah telah bermaharajalela Tuan Speaker, di Malaysia. Rasuah hari ini sudah menjadi

lebih "sophisticated" sehinggakan ia tidak lagi bererti hanya pemberian wang tunai sebagai rasuah untuk mendapat sesuatu pertolongan.

Hari ini, rasuah telah mengambil bentuk rupa seperti "kickbacks", komisen dan konsesi. Dan bentuk-rupa-bentuk-rupa ini dipertahankan oleh sebilangan orang sebagai normal dalam "transaction" perniagaan.

Perdana Menteri kita semasa beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri pernah berkata dalam satu upacara pembukaan Persidangan Pemuda UMNO dan Wanita UMNO bahawa Kerajaan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap sesiapa saja yang berasuah tanpa mengira samada ianya sang kancil mahupun naga.

Tuan Speaker, sehingga hari ini, B.S.N. telah menumpukan usaha-usahanya untuk hanya menangkap "ikan bilis" dan sang kancil. Adalah merupakan bahawa banyak naga dan ikan yu telah dilepaskan oleh B.S.N. kerana B.S.N. tidak boleh berfungsi dengan bebas.

Apakala menghadapi dengan penyiasatan dan perbicaraan terhadap ikan yu-ikan yu dan naga-naga, B.S.N. (Biro Siasatan Negara) merupakan seolah-olah mati pucuk, B.S.N. dikehendaki mendapat "lampu hijau" politik sebelum ia mula menyiasat dan satu lagi "lampu hijau" politik sebelum ia boleh bermula perbicaraan terhadap naga-naga atau ikan yu-ikan yu.

Kita telah melihat dengan sendiri bagaimana "lampu hijau" politik diminta dan ditunggu oleh B.S.N. apakala ia mahu mendakwa sesiapa dari golongan atasan politik atau "political higher-up".

Orang ramai sudah mula hilang kepercayaan terhadap B.S.N. sebagai satu badan yang bebas dan berkecuali yang berkomit (committed) untuk mendedahkan mereka yang korup, khususnya orang-orang atasan politik.

Sekarang Peguam Negara yang juga menjadi Menteri Undang-undang yang bertanggungjawab untuk B.S.N. telah bersikap memberi perlindungan bila timbulnya tuduhan-tuduhan rasuah terhadap orang-orang atasan politik dari partai pemerintah.

Pada 10.10.78 apabila Ketua Pembangkang semasa soal-jawab di Parlimen bertanya kepada Menteri Undang-undang samada beliau sedar bahawa Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh, telah dikaitkan pada 13 April tahun ini oleh United Securities and Exchange Commission (SEC) telah menerima rasuah yang unaccountable melibatkan jumlah wang sebanyak US \$0.9 juta semasa menjadi pengerusi sebuah syarikat bernama, Gaya House, untuk pembelian dua buah kapalterbang Jet Grunman bagi Kerajaan Negeri Sabah dalam tahun 1971-1972 daripada Grunman Corporation, Menteri berkenaan telah menjawab dengan evasive.

Tidak terdapat sama sekali sebarang kenyataan yang tertentu dari Menteri tersebut yang tuduhan begitu serius akan disiasat oleh B.S.N.

Pendedahan yang dibuat oleh S.E.C. adalah serius dan mestilah disiasat untuk menentukan kebenarannya.

Kredibiliti Ketua Menteri negeri di dalam Persekutuan Malaysia adalah sangat diragukan dan dipersoalkan.

Tuan Speaker, DAP dan rakyat Malaysia amnya adalah berhasrat untuk tahu samada B.S.N. akan membuat siasatan terhadap tuduhan ini. Tuduhan yang serius ini tidak boleh ditutup begitu sahaja oleh Kerajaan dan menganggap semuanya beres dengan Ketua Menteri dan Menteri Besar kerana sikap yang demikian tidak lebih dari berseleindung di sebalik sehelai langang dengan tujuan menegakkan benang basah.

Kredibiliti Ketua Menteri sekarang telah menjadi keraguan antarabangsa dan kesannya akan merosakkan image negara kita keseluruhannya.

Satu cara yang terhormat bagi Ketua Menteri Sabah tersebut ialah supaya beliau meletakkan jawatannya sebagai Ketua Menteri membiarkan satu penyiasatan sepenuhnya terhadap tuduhan tersebut tanpa menanti lampu hijau dari pihak Establishment.

Pada masa sekarang, adalah sukar bagi B.S.N. untuk bertindak dengan bebas bila ada seseorang tertentu yang sentiasa "breathing down the neck".

B.S.N. hanya dapat berfungsi dengan penuh erti dan bebas bagi kepentingannya sekiranya kuasa Kementerian Undang-undang ditarik dari Jurisdictionnya dan ianya diletakkan di bawah tanggungjawab Parlimen secara langsung.

Selagi ini tidak dilaksanakan, kebebasan B.S.N. akan tetap diragukan.

Tuan Speaker, DAP tidak menentang upward revision kepada pengecualian cukai untuk kanak-kanak, pembayar-pembayar cukai yang bermastautin. Tetapi kami mempersoalkan kebijaksanaan Menteri Kewangan yang memberikan pengecualian cukai yang lebih tinggi dari dahulu kepada pembayar-pembayar cukai bermastautin yang mempunyai lebih dari dua orang anak.

Adalah telah menjadi dasar yang diisytiharkan oleh Kerajaan untuk tidak menggalakkan ibubapa daripada mempunyai keluarga yang ramai agar dapat mengurangkan kadar pertambahan penduduk tahunan daripada 2.7% yang tidak boleh dianggap satu kadar yang rendah.

Daripada memberikan galakan seperti memberikan pengecualian cukai kepada dua orang anak pertama pembayar cukai, agar kadar pertambahan penduduk akan berkurangan, sebaliknya Kerajaan telah memberikan lebih besar pengecualian kepada mereka yang mempunyai lebih dari dua orang anak.

Saya mencadangkan daripada hanya menaikkan pengecualian cukai untuk anak pertama dari \$750 kepada \$800 (hanya \$50 sahaja) dan anak kedua \$500 kepada \$700 (hanya \$250), sepatutnya anak pertama mesti lah mendapat pengecualian sebanyak \$1,500 dan anak kedua sebanyak \$1,250. Ini akan lebih sesuai dan padan dengan dasar Rancangan Keluarga Kerajaan.

Tentulah, dasar Kerajaan Barisan Nasional bukan untuk menggalakkan rakyat Malaysia mempunyai keluarga yang besar yang akan menjadi masalah tambahan kepada yang sedia ada.

Tuan Speaker, lebih dari 460 buah kampung-kampung baru di seluruh negara tidak pernah mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan sehinggalah tahun 1973 selepas desakan yang berulang kali dari DAP barulah seorang Menteri dilantik untuk menjaga masalah kampung-kampung baru.

Selama lima tahun yang lalu Kerajaan telah mendakwa sebanyak \$125 juta ringgit telah dibelanjakan untuk menyediakan kemudahan seperti jalan, longkang, lampu jalan, pasar dan lain-lain kemudahan.

Apabila melihat di kampung-kampung baru kita akan tertanya-tanya samada jumlah yang begitu banyak telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut.

Masih banyak lagi kampung-kampung baru yang masih belum mempunyai jalan tar, sistem parit, lampu jalan, pasar dan lain-lain kemudahan di negara ini.

Kebanyakan kampung-kampung baru masih lagi berkeadaan seperti dahulu sewaktu ianya mula-mula dibentuk dalam zaman darurat pertama.

Seseorang masih boleh mendapati kampung-kampung baru dikelilingi oleh dawai kawat berduri. Ini tidak banyak bezanya dengan zaman penjajah sebelum Merdeka. Sebenarnya, Kerajaan Barisan Nasional di dalam setengah-setengah negeri telahpun mengarahkan supaya kampung-kampung baru dipagar dengan dawai kawat berduri tanpa menghiraukan kebebasan individu dan kebebasan bergerak.

Tuan Speaker, walaupun kebanyakan kampung-kampung baru telah ujud lebih dari suku abad dan satu jenerasi telah muncul di dalam kampung-kampung baru namun saiznya tetap seperti dahulu.

Kampung-kampung baru telah tidak diendahkan dan terbiar, kecuali bantuan sambil lewa (piecemeal) di sana sini dari Kerajaan untuk terlalu lama. Program membesarkan kampung-kampung baru bagi mengimbangi dengan perkembangan penduduk suku abad yang lalu sangat sedikit.

Gambaran fizikal kampung-kampung baru tetap serupa walaupun telah 25 tahun lebih ujudnya.

Penduduknya telah tidak dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang dibanggakan oleh pihak Kerajaan. Pengangguran terlalu tinggi di kampung-kampung baru di kalangan Pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi dan ini adalah punca mengapa beribu-ribu belia dari kampung-kampung baru berhijrah ke negara jiran untuk mencari pekerjaan.

Kerajaan telah gagal untuk menjadikan kampung-kampung baru sebagai pekan moden yang boleh menyediakan pekerjaan kepada belia-belia kampung-kampung baru. Tidak ada sebarang rancangan yang teratur untuk mengubah kampung-kampung baru menjadi pekan-pekan moden.

DAP mencadangkan beberapa langkah permulaan yang patut diambil oleh Kerajaan untuk mengubah semua perkampungan baru kepada pekan-pekan moden supaya tidak ketinggalan dari aliran ekonomi negara.

- (1) Semua perkampungan baru atau kampung-kampung baru patut diperbesar-kan saiznya untuk mengimbangi keperluan tanah untuk pertanian dan perumahan.
- (2) Industri ringan patut didirikan di kampung-kampung baru.
- (3) Semua kampung-kampung baru patut disediakan dengan jalan tar, pasar, parit, taman kanak-kanak, lampu jalan dan kemudahan asas yang lain.
- (4) Semua sekolah di kampung-kampung baru mestilah dimodenkan dengan perpustakaan, alat mengajar moden dan guru-guru terlatih supaya dapat memelihara taraf mengajar di kampung-kampung baru.
- (5) Semua kampung-kampung baru mestilah disediakan dengan kemudahan-kemudahan kesihatan dan tandas yang lebih baik dari sekarang.

Tuan Speaker, saya beralih kepada satu topik yang sungguh menarik perhatian pada hari ini dan juga dalam masa hampir tempoh setahun yang lalu di mana simpati telah ditunjukkan oleh rakyat umum terhadap trajidi yang berlaku di Tanjong Kupang, Johor.

Tuan Speaker rundingan kajian perjanjian udara dua hala di antara Singapura dan Malaysia mengenai hak-hak penerbangan perdagangan telah buntu untuk menghasilkan apa-apa pun.

Kita telah diberi jaminan bahawa penerbangan-penerbangan MAS ke dan dari Singapura akan dibenar oleh Singapura seperti cara biasa mulai November 1 ini.

Namun demikian, imej MAS yang telah jatuh pada 4hb Disember 1977 telah tidak merupa untuk "recover" kerana kepercayaan orang ramai belum lagi diperolehi.

Pada hari yang malang itu, Tuan Speaker, seratus jiwa manusia telah terkorban, yang mengandungi 93 orang penumpang, 5 orang

"cabin crew" dan 2 orang "flight crew" apabila kapalterbang mereka menaiki, MH653 terhempas di Tanjong Kupang, Johor. Berikutan dengan itu, siasatan telah dijalankan dan satu laporan telah diumumkan kepada orang ramai yang sehingga hari ini tidak memuaskan hati waris-waris mangsa-mangsa trajidi itu mahupun orang ramai.

Laporan itu telah gagal untuk memberi jawapan kepada beberapa soalan yang mesti dianggap penting untuk "survival" MAS sebagai satu sistem penerbangan yang boleh dipercayai dan "viable".

Tuan Speaker, aspek gantirugi atau pampasan juga telah menimbulkan banyak ketidakpuasan di kalangan waris-waris mangsa-mangsa itu, khususnya mereka yang berjalan sebagai penumpang. Wang yang ditawar sebagai gantirugi atau pampasan kepada keluarga-keluarga mangsa-mangsa itu adalah sangat-sangat tidak mencukupi.

Warta Kerajaan Persekutuan bertarikh 4hb Mei, 1978, P.U. (A) 134 telah menyiarkan satu Perintah yang ditandatangani pada 21hb Mac, 1978 oleh Menteri Perhubungan pada masa itu, Yang Berhormat Tan Sri Dato' V. Manickavasagam yang mengisytiharkan bahawa liabiliti maksima setiap orang penumpang dalam terhempasnya kapalterbang MH653 adalah M\$48,000.

Nampaknya ada banyak misteri yang mengelilingi angka ini yang sama dengan 250,000 Convention francs yang ditafsirkan sebagai "gold francs" di bawah Warsaw Convention 1929 dan yang telah dipinda oleh the "Hague Protocol" 1955. Menurut Carriage By Air Act 1974, setiap franc ini adalah 65.5 milligrammes emas tulin atau "millesimal fineness nine hundred". Menteri berkenaan telah berpegang teguh bahawa "equivalent" ringgit Malaysia telah dikira dengan rujukan kepada nilai emas franc atau gold franc Special Drawing Rights (SDR) yang ditukar kepada Dollar Amerika dan kemudian ditukar kepada ringgit Malaysia menurut kadar pasaran semasa atau "current market rate".

Mungkin Menteri berkenaan telah mendapat angka M\$48,000 dengan cara membahagi nilai SDR dalam Ringgit Malaysia (\$2.8753) dengan gramme emas dalam SDR (0.888671) dan dikali dengan harga emas bagi 65.5 milligramme (US\$0.05895) untuk memberi nilai atau "equivalent" Ringgit Malaysia bagi setiap franc. Berdasarkan kepada perkiraan ini, satu franc adalah

M\$0.1970733 dan dengan demikian, 25,000 franc adalah "equivalent" kepada M\$47,683.25.

Tuan Speaker, oleh kerana 65.5 milligramme emas itu berharga US\$0.05895, 1 gramme emas itu berharga US\$0.9. Dan satu auns Troy emas adalah "equivalent" kepada 31.104 gramme. Jadi, ini bermakna satu aun emas berharga US\$27.9936 berasas kepada emas dalam M\$47,683.25.

Bilakah emas pernah dijual dengan harga begitu murah seperti US\$27.9936 bagi satu aun dalam tempoh dua tahun lalu? Tidak pernah Tuan Speaker. Barangkali, hanya Menteri Pangangkutan yang boleh membeli emas dengan harga itu! Menteri Kewangan yang tidak hadir di sini patut menimbang dengan serius untuk "recruit" Menteri Pengangkutan sebagai Ketua Perunding (Chief Consultant) beliau dalam soal Emas dan "Monetary"!

Berasas kepada formula yang sama, kita boleh mengira penukaran dengan menukar harga emas kepada harga realistik iaitu US\$170 satu aun yang menjadi harga purata dalam bulan Mac 1978 walaupun harga benar dalam bulan itu adalah US\$183.79 satu aun, 250,000 franc adalah "equivalent" kepada M\$289,570.12.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat apa tujuan buat kira-kira dengan detail ini, sebab selalunya dalam hal perkiraan kewangan antarabangsa (foreign exchange) exchange rate ada sifir-sifir yang telah diperuntukkan oleh parti-parti yang berkaitan. Jadi sedalam-dalam cerita ini apa tujuan?

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, sungutan telahpun wujud di antara waris-waris mangsa dan inilah satu harapan daripada waris-waris mangsa di mana mereka boleh mengemukakan hasrat mereka untuk mendapat pampasan dan gantirugi yang lebih dan argument saya adalah berasas kepada beberapa dokumen yang saya mempunyai, barangkali Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan alasan lain.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau begitu dari segi dasar-dasar, prinsip-prinsip mengira pampasan itu memang kita boleh dengar di dalam Parlimen, tetapi diberi detail sifir-sifir, kira-kira itu

kalau boleh bawa kes-kes yang berkaitan itu kepada pihak yang berkaitan, di situ lapuran, bukan di sini. Itu sahaja.

Tuan P. Patto: Saya cuma mahu memberi bukti-bukti terhadap perkiraan saya—itu sahaja. Saya sudah habis dengan perkiraan, Tuan Speaker.

Saya mencabar Menteri berkenaan untuk membuktikan saya salah dalam tafsiran dan perkiraan dan menjelaskan bagaimana beliau mendapat harga yang "ridiculous" iaitu US\$27.9936 satu aun emas bilamana harga-harga emas yang benar pada masa Perintah beliau dikuatkuasakan adalah US\$183.79 satu aun.

Tuan Speaker, Menteri berkenaan telah menandatangani perintah sebagaimana yang telah disiarkan dalam Gazette Kerajaan Persekutuan pada bulan 4hb Mei, 1978. Beliau menandatangani pada 21hb Mac, 1978 dan perintah itu berkuatkuasa pada 1hb Mac, 1978, dalam ertikata yang lain, tidak seorangpun yang dapat mengetahui gantirugi sehingga pada 21hb Mac, 1978.

Walau bagaimanapun, peguam MAS dengan sendiri telah membuat keputusan pada 17hb Mac, 1978. Peguam MAS telah menghantar surat yang bertarikh 17hb Mac, 1978 kepada waris-waris mangsa dan mengisytiharkan gantirugi (pampasan) maxima boleh didapati adalah lebih kurang M\$50,000.

Di sini adalah jelas yang peguam MAS telah mempengaruhi Menteri berkenaan di dalam membuat perintah jumlah gantirugi itu. Kebebasan dan sikap berkecuali Menteri yang berkenaan adalah diragukan.

Banyak persoalan telah timbul hasil daripada gantirugi yang sikit ini:

- (1) Apakah jenis insuran polisi yang dibeli oleh MAS bagi penumpang-penumpang yang menaiki MH653 pada 4hb Disember, 1977.
- (2) Untuk berapa ribukah setiap penumpang telah diinsurankan.
- (3) Apakah jumlah yang diinsurankan kurang dari kapalterbang lain?
- (4) Adakah benar yang penumpang hanya telah diinsurankan sebanyak US\$10,000?
- (5) Adakah benar yang seorang penumpang MH653 pada 4hb Disember, 1977 bernama Lee Wooi Min berumur 14 tahun

telah dikehendaki membeli tiket dewasa tetapi warisnya hanya diberi M\$3,500 sebagai gantirugi oleh kerana MAS menganggap ianya seorang minor.

- (6) Adakah benar emak seorang mangsa yang bernama Vanaja Maniam telah dihantar surat bertarikh pada 15hb Disember, 1977 oleh MAS menyatakan Vanaja sudah tidak lagi menjadi pekerja MAS kerana ia telah berhenti dari MAS pada 1hb Disember, 1977 dan apabila disoal oleh peguam ibunya, MAS tidak dapat menunjukkan surat pemberhentian kerja. Kenapa? Benarkah Vanaja telah berhenti daripada MAS?

Saya difahamkan MAS pada masa itu sedang dalam kempen jimat-cermat. Saya sedar, tapi untuk menganggap sebagai hasil kempen jimat-cermat ini, MAS telah under-insured semua penumpangnya. Sekiranya benar, MAS, Menteri dan Kerajaan mengakui konsekuen dan menghadapi liabiliti maksima menggunakan nilai MAS sekarang sebagai anggapan di dalam Carriage by Air Act, Artikul 22 (5) yang berbunyi:

“Conversion of the sum into national currencies other than gold shall in case of judicial proceedings, be made according to the gold value of such currencies at the date of judgement.”

Akhirnya, DAP menyeru Menteri berkenaan untuk kajisemula kadar gantirugi supaya tidak kurang dari M\$250,000 dibayar kepada setiap keluarga atau waris setiap mangsa yang terlibat di dalam terhempasnya kapalterbang MH653 di Tanjung Kupang, Johor pada tahun yang lalu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya hendak membuat suatu pengumuman berkenaan dengan perkara *sub judice* tadi. Saya baru dapat penerangan, kenyataan bahawa kes Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah sepatutnya tidak boleh dibawa dalam Dewan ini kerana perkara ini telah diambil tindakan undang-undang oleh Ketua Menteri itu sendiri dan perkara ini sedang berjalan. Oleh sebab itu, maka perkara ini *sub judice* dan tidak patut dibawa dalam Dewan ini.

Yang Berhormat dari Kapit.

5.01 ptg.

Tuan Leonard Linggi anak Jugah (Kapit): Tuan Speaker, bagi pihak penduduk-penduduk di kawasan saya, saya ingin meng-

ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kerana telah menandatangani Belanjawan yang realistik, adil dan lumayan yang menguntungkan lapisan masyarakat termasuk pelabur-pelabur asing, peminat-peminat TV, petani dan juga beautician ataupun penyolek dan sebagainya.

Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah menambahkan tax relief untuk mereka yang cintakan hidup dan menanggung keluarga yang besar dan juga menyediakan harapan untuk mereka yang terpaksa meninggalkan dunia. Dalam bahasa Inggeris, the living and the dead are well provided for. Belanjawan itu sebenarnya menjamin pertumbuhan ekonomi dan menyakinkan penduduk untuk menikmati kualiti hidup yang tinggi.

Tuan Speaker, insentif-insentif yang diberi kepada industri perkapalan atau pembina kapal akan menjamin pertambahan yang pesat untuk industri perkapalan dan dengan ini juga akan menambahkan kemudahan-kemudahan lebih baik untuk perdagangan antarabangsa kita, tetapi juga akan memperbaiki hubungan antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah. Ini akan menjamin pengangkutan yang murah di antara dua negeri-negeri yang tersebut dan akan menambahkan proses keluar masuk penduduk di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak, iaitu proses pengedaran perpaduan antara “Malaysian” dari segi geografi dan social.

Tuan Speaker, saya seorang wakil dari Sarawak merasa lega dan puas hati dengan penghapusan cukai eksport sebanyak 30% untuk minyak kelapa sawit dari Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun tanda-tanda ada menunjukkan Sarawak Oil Palm dan Perbadanan Kemajuan Tanah Sarawak (SLDB) kurang puas hati dengan penghapusan 30% itu. Takut nanti kami di Sarawak disifatkan tidak berterima kasih atas apa yang telah dicadangkan, maka inginalah saya menjelaskan kedudukan yang sebenarnya.

Tuan Speaker, ongkos pengeluaran minyak sawit di Sarawak adalah lebih tinggi dari Semenanjung Malaysia kerana road tanker adalah digunakan mengangkut minyak itu ke bulking installation dan lantaran kekurangan kemudahan-kemudahan pelabuhan minyak mestilah dihantar ke kapal tangki minyak (oil tankers), itu juga menambahkan ongkos pengeluaran minyak dari Sarawak.

Atas mempertimbangkan kekurangan kemudahan-kemudahan ini maka selama ini hingga hari Ucapan Belanjawan, iaitu 20hb Oktober ini, Kerajaan Persekutuan telah mengurangkan duti eksport itu 50%. Penghapusan ini nampaknya bukanlah relief tetapi adalah sebenarnya menam'bahkan lagi bahan itu 20%. Ini bukan sahaja untung sekarang rugi seguni, tetapi untung setengah karung rugi lima guni.

SLDB Sarawak mempunyai 40,000 ekar kelapa sawit berbanding dengan 8,000 ekar yang dipunyai oleh Sarawak Oil Palm Ltd. mengambilkan balik 50% export duty exemption dari SLDB adalah tidak begitu adil.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat dianggapkan tahu Smenanjung Malaysia diberi 15 tahun grace period sebelum dikenakan cukai eksport. Sabah pun diberi grace period 10 tahun. Adalah diharapkan Kementerian yang berkenaan akan menyelidiki akan penduduk Sarawak untuk mendapat kurangan cukai yang lebih tinggi sebagaimana Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tegaskan. Saya quote: "To raise the disposable income of the people involved."

Tuan Speaker, saya bersetuju sepenuhnya dengan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan bahawa, "Television provides a popular channel of communication and, as such, should be made available to a wide section of the population."

Kementerian ini telah menunjukkan simpatinya dengan mengurangkan duti impot bagi TV Warna, tetapi saya ragu-ragu samada beliau sedar bahawa penduduk-penduduk di Bahagian Ketujuh di Sarawak iaitu di kawasan saya, Kapit belum pernah berpeluang mengamati dan menikmati keindahan TV, apatah lagi TV Warna. Warga-negara Malaysia di Kapit selalu mengeloh dan dengan izin saya quote:

"We don't mind of being deprived of seeing the World Cup Football, the Ali-Spinx Fight, the Donnie and Marie Show, or even the International Quran Reading Contest, but we do mind—and mind very much—if our children are being deprived of the Educational Television Programmes."

Sebagai wakil rakyat, saya merasa amat susah sekiranya tidak mengeluarkan untuk menyuarakan masalah-masalah ini di Dewan yang mulia ini dengan harapan Menteri yang

berkenaan akan meneliti masalah ini dan dapat memuaskan kemahuan penduduk di kawasan saya.

Saya telah difahamkan bahawa 10 ribu kilowatt dengan 2 ribu kilowatt standby transmitter akan perlu untuk dipasangkan di Kapit dengan harga setengah juta ringgit. Sememangnya Kementerian Penerangan boleh membelanjakan wang setengah juta ringgit dari peruntukan \$168 juta dalam Budget 1979 ini.

Saya difahamkan juga Jabatan Talikom, Sarawak akan dapat menyediakan microwave link dari Sibu ke Kapit melalui Kanowit dan Song dalam masa 6 bulan lagi. Adalah diharapkan Kementerian Penerangan akan bertindak bersama dalam masa 6 bulan ini. Akhir kata adalah embarrassing melihat microwave stations, TV tower, TV aerial dan TV set yang sedia ada di Kapit tetapi tanpa gambar.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru adalah penjamin yang keemasan untuk bumiputra. Objektif-objektif utamanya ialah untuk memastikan supaya bumiputra mendapat bahagian yang adil dan saksama dari kekayaan negara. Untuk tujuan pelaksanaan dasar ini berbagai concession dan privileges diberi kepada bumiputra untuk menjamin penglibatan yang bermakna dalam bidang-bidang perniagaan dan perindustrian. Untuk mempercepatkan lagi pelaksanaan dasar ini, Kerajaan mewujudkan badan-badan berkanun bagi pihak Bumiputra dalam bidang ekonomi. Dalam Bahasa Inggerisnya "To stand in for Bumiputras in the economic activity."

Dengan bantuan Kerajaan, bantuan tenaga kerja dan kewangan, badan-badan ini dengan cepatnya melibatkan diri dalam aktiviti banking, insurance, manufacturing, pembinaan tanah dan sebagainya. Ini dilakukan sebab pada peringkat awalnya bumiputra ataupun syarikat-syarikat bumiputra tidak mampu untuk menyediakan modal dan technical know-how supaya dapat berkecimpung dalam aktiviti-aktiviti perniagaan besar-besaran seumpama ini. Dari itu peranan ini hendaklah dimainkan oleh badan-badan berkanun ini untuk sementara waktu.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dipohonkan daripada Menteri yang berkenaan samada hasrat ini masih tegak atau tidak. Sekiranya masih tegak, apakah jenis rancangan dan program untuk menyerahkan saham-saham

dan pengurusan badan-badan ini kepada bumiputra? Tanda-tanda menunjukkan bahawa badan-badan ini akan kekal. Mereka telah menembusi berbagai aktiviti perniagaan seperti insuran, pembinaan, pembekalan, trading dan sebagainya. Dalam banyak bidang badan-badan ini di sebaliknya bersaing ketat dengan peniaga bumiputra individu sendiri, golongan yang harus mereka bantu. Adakah ini tujuan Kerajaan? Dari itu oleh kerana sekarang ada terdapat dan sedia ada peniaga-peniaga bumiputra, teknokrat-teknokrat bumiputra, pengurus-pengurus bumiputra yang berpengalaman maka adalah dicadangkan supaya bantuan diberi kepada bumiputra, hendaklah diberi secara direct tanpa melalui badan-badan berkanun ini.

Kerajaan harus meneliti lagi peranan-peranan badan-badan ini agar ianya tidak menghindarkan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dengan memberi bumiputra sebahagian dari pihaknya. Adalah dianggap salah untuk Kerajaan campurtangan dalam bidang perniagaan ini lebih-lebih lagi apabila ia bersaing dengan bumiputra sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa Kerajaan telah mentaksirkan sebanyak \$200 juta untuk tabung amanah bumiputra untuk penglibatan bumiputra dalam pengambilan, pembelian saham-saham di syarikat-syarikat yang ternama. Dari itu saya ingin mohon mengemukakan pertanyaan, berapa peratuskah kalau ada dari tabung tersebut diperuntukkan kepada bumiputra yang bukan Muslim di Sarawak. Bumiputra yang bukan Muslim di Sarawak mengharapkan pembahagian yang adil dan saksama mengenai keistimewaan ataupun privileges, keuntungan-keuntungan dan goody-goodies yang diberi oleh Kerajaan kepada bumiputra di seluruh Malaysia. Kami di Sarawak seolah-olah sering dilupakan dan dari itu tertinggal di dalam proses pengimplementasian Dasar Ekonomi Baru. Saya sebagai anggota kaum itu memohon dari pihak yang bertanggungjawab agar lebih menyedari kewujudan kami di Sarawak dalam rancangan pembangunan Kerajaan dalam bidang ekonomi, pelajaran dan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan pelajaran adalah antara soal-soal yang paling kerap dibincangkan di Dewan ini mulai dengan perbincangan mengenai penubuhan universiti persendirian. Belanjawan ini juga

menitikberatkan bidang ini dengan memperuntukkan \$2,411 juta untuk pelajaran dengan tujuan, dengan izin, saya quote:

“To develop our resources and upgrade technological capacity to achieve the objective of poverty reappraisal and to raise the real income among the lower income group.”

Adakah sistem pelajaran kita dan kandungan kurikulum sekolah kita benar-benar develop our human resources untuk keperluan tenaga manusia. Marilah kita memeriksa dengan teliti contoh-contoh yang specific ini. Professor Fatimah Hamidon dalam bukunya “Reading in Malaysia Education” menjelaskan, dengan izin: “Curriculum of secondary school remains too academic in orientation”, bermaksud sistem kita adalah sangat umum dan akademik oriented. Masa bersekolah di sekolah rendah dalam 6 tahun dan sekolah menengah selama 3 tahun tidak boleh melengkapkan belia-belia kita untuk menghadapi hidup secara berdikari. Sistem pelajaran kita adalah untuk meorientasikan mereka sebagai pen-pushers dan white collar workers, sedangkan, sebaliknya kita tidak menyediakan cukup cosy jobs untuk menempatkan graduan-graduan dari sekolah ini. Muda mudi menderita terutama sekali mereka dari kawasan luarbandar dalam kalangan Iban sebagai contoh, ibubapa membanting tulang dengan hebat dan gighnya untuk menyekolahkan kanak-kanak mereka dengan harapan kanak-kanak itu akan mendapat pekerjaan setelah tamat persekolahan nanti dan meninggikan kualiti hidup keluarga mereka.

Di sebaliknya, Tuan Speaker, anak-anak ini apabila balik ke kampung bukan hanya tidak dapat pekerjaan tetapi tidak boleh menyesuaikan diri dengan keadaan dan keperluan alam sekeliling (totally unfit in the environment where they come from). Mereka tidak mampu menjadi petani, juga penoreh getah, dan lebih dahsyat lagi nilai-nilai hidup mereka sudah berubah. Akibatnya mereka bekejar ke bandar menghubungkan geng-geng yang juga menganggur. Apakah bentuk dan jenis human resources yang kita hendak sediakan dan untuk tujuan apa? Kepada saya, jawapannya senang. Malaysia yang besarnya 52,000 batu persegi di Semenanjung Malaysia, 48,000 batu persegi di Sarawak dan 28,000 batu persegi di Sabah mempunyai banyak potensi di tanah yang perlu diutilisekan. Sistem pelajaran kita dari itu mestilah diorientasikan ala melatih

belia-belia kita mengerjakan dengan berkesan dan paling menguntungkan hasil-mahsul tanah kita. Selepas 20 tahun kita merdeka kita sepatutnya sudah mempunyai cukup pentadbir, cukup pengurus, cukup tuan-tuan, dari itu marilah kita berusaha pula menghasilkan buruh-buruh yang berdedikasi dan terlatih.

Tuan Speaker, tax relief diberi dalam budget tahun ini untuk food production akan tidak memberi makna sekiranya orang kita tidak bersedia mengeluarkan makanan. Pakar-pakar pelajaran seharusnya masa ini memikirkan bentuk, jenis pelajaran yang kita gunakan untuk menyediakan kita menghadapi tugas-tugas yang ada di hadapan. Dari itu lebih banyak sekolah-sekolah teknik dan vokesyenal diperlukan di seluruh ceruk rantau negeri kita. Kerajaan bukan sahaja harus menyediakan tempat latihan bagi orang-orang ini tetapi mesti menyediakan kerja-kerja untuk mereka hidup dengan kebolehan yang ada. FELCRA, FELDA dan State Development Authority mesti menyuai gunakan buruh-buruh yang terlatih ini. Sekiranya tidak ada tempat di institusi-institusi ini tidak ada halangan pula bagi Kerajaan Persekutuan memulakan National Development Scheme atau National Land Development Scheme untuk menyerap buruh-buruh yang terlatih ini.

Dalam keadaan bilamana mereka ini tidak berminat dalam bidang ini, Kerajaan boleh enforce system National Service yang memerlukan semua bekas murid berumur 16 hingga 21 tahun untuk bekerja di National Development Scheme ini supaya mereka boleh dilatih berperang menentang kemiskinan (to fight the war of poverty). Untuk bertindak ke arah ini kita tidak hanya menambah pengeluaran makanan dan sebagainya tetapi juga boleh mendisiplinkan belia-belia kita, mengurangkan urban drift dan juga mengurangkan pengangguran. Tuan Speaker, cadangan ini bukanlah day dream sahaja, telah dilaksanakan di negeri-negeri lain. The Young Pioneer Scheme in Malawi, Afrika mempunyai objektif yang sama.

Tuan Speaker, saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kebajikan Am di atas sumbangan wang berjumlah \$200,000 kepada mangsa-mangsa kebakaran di Bau, Sarawak, bantuan ini adalah sangat diperlukan oleh mereka yang tersebut. Walau bagaimanapun saya kurang yakin samada Menteri yang berkenaan sedar bahawa hingga bulan

Oktober tahun 1978 ini terdapat 56 fire incident di Sarawak melibatkan 10 buah rumah panjang, satu bidang kedai-kedai di Song dan satu di Bintulu melibatkan 1,933 orang. Saya telah difahamkan, Kerajaan negeri telah memperuntukkan \$70,618 iaitu \$200 bagi tiap-tiap keluarga sedangkan dengan kebakaran di Bau yang hanya melibatkan 69 buah kedai tetapi menerima \$200,000 dari Kementerian yang berkenaan. Ingin saya utarakan, mengapakah pihak Kementerian Kebajikan Am Persekutuan tidak memberi bantuan seumpama itu kepada mangsa-mangsa kebakaran di Sarawak, nampaknya pilih kasih. Tuan Speaker, adalah lebih elok sekiranya \$200,000 itu diserahkan kepada Kerajaan Negeri yang boleh diamanahkan untuk membahagikan wang itu kepada sesiapa yang perlu dengan adil dan saksama.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

5.33 ptg.

Tuan Haji Ampong bin Puyon (Labuk Sugut): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang telah diberikan kepada saya untuk bercakap dalam menyokong ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan tahniah serta syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan negara bagi tahun 1979. Saya sifatkan Belanjawan tersebut adalah ringan dan tidak syak lagi ianya terbit daripada hakikat Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Hussein Onn yang sungguh-sungguh bertanggungjawab untuk memberi kesejahteraan hidup kepada rakyat dan meletakkan kepentingan rakyat di atas segala-galanya. Strategi Belanjawan yang dicadangkan bagi tahun akan datang akan membuka laluan baharu kepada perkembangan ekonomi negara kita oleh kerana adanya kelonggaran-kelonggaran kepada syarat pelaburan pentadbiran kewangan yang mudah, pengangkutan dan perhubungan yang murah. Peranan perkhidmatan tersebut adalah penting di dalam mengubah corak hidup rakyat Malaysia. Mudah-mudahan niat suci Kerajaan akan menepati segala yang dihasratkan dan akan tambah menguatkan lagi kedudukan negara kita sebagai negara yang teguh ekonominya rakyatnya kita sama-sama harapkan bersatu padu serta mengamalkan sikap tolak ansur yang membina di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menyentuh mengenai dengan Belanjawan pembangunan yang mana saya hendak mengaitkan dengan kesulitan-kesulitan serta kemudahan-kemudahan yang terdapat di kawasan yang diwakili oleh saya. Kita semua sedia maklum bahawa Sabah yang dirintangi oleh lautan China Selatan adalah dalam lingkungan 1,000 batu jauhnya daripada ibu negara Kuala Lumpur. Bilangan penduduk-penduduk yang tinggal di merata tempat di kawasan-kawasan terpencil seperti Labuk Sugut Sabah terdapat sebahagian besar terletak di kawasan yang cerok. Ini sudah tentu menyulitkan lagi usaha-usaha menyampaikan bantuan untuk meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk. Saya percaya Kerajaan telah membuat kajian yang mendalam supaya bantuan-bantuan tersebut dapat disampaikan dengan seberapa segera yang boleh di tengah-tengah masyarakat yang jauh ketinggalan kebelakang. Hanya kalau dapat ditumpukan bantuan-bantuan pembangunan dengan memberikan keutamaan dibina dan menaruh tar kepada jalanraya-jalanraya, sekolah-sekolah, kemudahan-kemudahan perubatan bekalan janaelektrik luar bandar serta meluruskan sungai yang bengkok bengkok supaya mengurangkan daripada berlakunya banjir hampir tiap-tiap tahun sehingga menyusahkan rakyat yang tinggal di sepanjang jalan maka sudah tentu kemajuan yang hendak mereka kejar akan dapat kesan yang lebih baik lagi.

Berhubung dengan Lapanganterbang Sandakan di Sabah pula yang sepatutnya telah siap dibina dalam beberapa tahun kebelakangan telah menempuh kegagalan dan terpaksa dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Saya tidak ketahui apakah yang menyebabkan punca kegagalannya. Adakah disebabkan kurangnya kewangan, sumber keperluan atau tenaga manusia. Memandangkan kepada Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang menunjukkan betapa kuatnya kedudukan ekonomi negara maka saya menyeru kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengambil perhatian bagi memastikan pembinaan Lapanganterbang Sandakan dapat disiapkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga kerana bandar Sandakan ada banyak mengeluarkan merupakan satu bandar yang terpenting di Sabah bagi faedah khasnya terutama kepada peniaga-peniaga. Saya mengatakan demikian, kerana bandar Sandakan adalah tempat tumpuan para pengusaha-pengusaha khusus-

nya dalam bidang pembalakan. Bandar-Sandakan juga pernah menjadi ibu negeri Sabah, dahulu North Borneo sebelum Perang Dunia Kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sementara saya menyentuh mengenai kemudahan perhubungan dan pengangkutan, saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas pengurangan cukai bagi peti-peti radio dan talivisyen yang diturunkan mengikut peratus-peratusnya. Ini adalah tepat dan sesuai. Seperti kata Yang Berhormat Menteri Kewangan peti-peti radio dan talivisyen adalah merupakan media perhubungan yang popular dan patutlah dimiliki lebih meluas lagi oleh penduduk-penduduk. Buktinya telah nyata bahawa radio dan talivisyen telah memainkan peranan yang penting di dalam menyebarkan maklumat-maklumat pembangunan negara baik dari segi ekonomi, sosial dan sebagainya. Keupayaan penduduk-penduduk memiliki peti-peti tersebut patutlah digalakkan bukan sahaja di peringkat menurunkan cukai bahkan patut diturunkan bayaran lesen bagi memiliki alat tersebut, kalau perlu patutlah dihapuskan sama sekali bayaran lesennya. Pertimbangan yang diberi untuk mengurangkan dan menghapuskan bayaran lesen talivisyen dan radio bukan sahaja akan dapat membantu penduduk-penduduk di kawasan luar bandar dari segi meluaskan hak milik peti-peti tersebut malah akan dapat meninggikan taraf hidup mereka di dalam memperbaiki cara pertanian, perikanan dan sebagainya di mana rancangan-rancangan tersebut selalunya tersemat di dalam siaran-siaran radio dan talivisyen. Kita semua sedar bahawa golongan-golongan penduduk di kawasan luarbandar sebahagian besarnya terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah. Sebarang pertimbangan untuk mengurangkan atau menghapuskan bayaran sebanyak \$25.00 lesen radio dan TV sudah tentu akan mengurangkan perbelanjaan mereka. Di sebaliknya wang tersebut boleh digunakan oleh mereka untuk membantu persekolahan anak-anak mereka ataupun buat membeli baja, pukut dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pengangkutan perhatian yang besar patutlah diberi kepada tambang penerbangan di antara Sabah, Sarawak dan Kuala Lumpur. Keadaan tidak lagi dapat menilaikan bahawa pembangunan pesawat penerbangan oleh para penumpang yang berulang-alik di antara tempat-tempat tersebut bukan lagi merupakan

kemewahan (luxury). Perkhidmatan ini adalah keperluan rakyat yang tidak dapat dielakkan dan jika sekiranya Kerajaan hendak meningkatkan lagi usaha ke arah menyatupadukan rakyat, salah satu sudut yang patut dihiraukan ialah galakan kepada penduduk-penduduk di antara Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah supaya saling kunjung mengunjung di antara tempat-tempat tertentu. Ini akan menerbitkan kesedaran dan persefahaman di kalangan rakyat terutamanya di dalam hal-hal kebudayaan dan tradisi yang terdapat di tempat-tempat tersebut. Perhubungan di antara penduduk hendaklah dijalinan tanpa rakyat memikul beban tambahan pengangkutan dengan cara yang mahal. Di dalam ertikata yang sebenarnya tambang kapalterbang hendaklah diturunkan.

Saya juga suka menyentuh mengenai pelepasan cukai yang diberi kepada tiap-tiap perseorangan. Sungguhpun di dalam cadangan Belanjawan peruntukan telah dibuat untuk memberi keselisaan cukai di atas tanggungan anak daripada yang pertama hingga kelima, pertimbangan juga patutlah diberi bagi kami di Sabah dan Sarawak supaya pelepasan ini dapat diseimbangkan dengan kesulitan rakyat yang menghadapi keadaan belanja hidup yang paling tinggi. Mengikut keadaan yang ada di Malaysia sekarang Sabah merupakan satu-satunya tempat di mana keadaan belanja hidup atau inflasi yang paling tinggi berbanding dengan kemudahan-kemudahan awam yang didapati dari segi pembangunan, rakyat di Sabah menikmati pembangunan yang kurang.

Di dalam hal jalanraya yang boleh dikatakan baik hanya terdapat di bandar-bandar sahaja dan ini hanya sekangkang kera. Mutu perkhidmatan telefon, kenderaan dan lain-lain perkhidmatan adalah jauh lebih kurang daripada yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Dari itu saya mohon pertimbangan supaya rebate yang pernah diberikan kepada kami di Sabah sebanyak 30% hendaklah diteruskan sehingga satu ketika apabila keadaan inflasi di tempat kami reda dan seimbang dengan Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan dan terima kasih.

5.44 ptg.

Tuan Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul bagi Perbelanjaan tahun 1979.

Apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan menyampaikan Ucapan Belanjawan tahun 1979 di dalam Dewan yang mulia ini pada minggu lalu, seluruh negara menerima baik pengumuman bahawa cukai-cukai tidak akan dinaikkan, tetapi didapati ada potongan-potongan setengah-setengah cukai. Ini menunjukkan strategi yang digunakan adalah supaya menstabilkan harga-harga, terutama kepada barang-barang utama dan keperluan-keperluan sehari-hari.

Saya merojok kepada potongan cukai impot 50% ke atas buah-buahan dan 20% ke atas peti-peti TV berwarna. Satu minggu sudah terlepas sejak pengumuman perbelanjaan, tetapi harga-harga buah-buahan dan peti-peti TV masih belum turun. Alasan pengimpot-pengimpot dan peniaga-peniaga adalah disebabkan stok lama masih ada, dan ia perlu masa untuk dijualkan, juga bagi barang-barang seperti peti-peti TV, jangka masa untuk menjual stok lama adalah dari 4 hingga 5 bulan.

Memang sedia dimaklumkan bahawa tujuan perbelanjaan tahun ini adalah satu supaya menguntungkan rakyat umumnya, tetapi benarkan mereka sedang menikmati keuntungan-keuntungan dari potongan-potongan cukai. Sebaliknya jikalau terdapat sebarang tambahan yang dikenakan ke atas cukai impot, pengimpot-pengimpot dan peniaga-peniaga akan terus terang menaikkan harga ke atas stok-stok lama. Tetapi sekarang orang-orang ini telah menyatakan yang mereka mesti menjelaskan terlebih dahulu stok-stok lama dengan harga-harga stok lama.

Saya yakin Kerajaan akan meneliti hal sedemikian supaya keuntungan-keuntungan yang ada akan disalurkan kepada rakyat jelata dengan secepat mungkin. Memang sudah pasti, dengan menyalurkan faedah harga-harga rendah kepada pengguna-pengguna dan bukan cuba mencari alasan stok lama, maka sewajarnya pengimpot-pengimpot dan peniaga-peniaga memperolehi muhibbah dan bertambahnya kepopulariti barang-barang jualan mereka. Patut diingati juga bahawa stok-stok lama bagi peti-peti TV, samada benar atau khayalan, boleh tahan bertahun-tahun, walaupun stok lama buah-buahan akan menjadi rosak.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan yang sama, Yang Berhormat Menteri itu telah juga berpanjang lebar tentang ekonomi negara kita yang terbuka, dan perusahaan

yang bebas. Kalaulah sebenar begini saya menyeru kepada golongan peniaga-peniaga, terutamanya pengimpot-pengimpot dan peniaga-peniaga, mengambil satu pandangan jangka panjang terhadap usaha-usaha Kerajaan untuk menstabilkan harga-harga dan menyalurkan segala faedah berhasil daripada potongan-potongan cukai kepada pengguna dengan sertamerta.

Saya beragu-ragu juga samada sistem ekonomi kita adalah berasaskan perusahaan yang bebas. Ini disebabkan terdapatnya sistem cartel atau monopoli yang dinikmati oleh setengah-setengah pekilang-pekilang dan pemasang-pemasang tempatan memasang kereta-kereta dari barang-barang bahagian komponennya yang diimpot (completely knocked down parts). Peniaga-peniaga yang cergas ini, samada pelabur asing atau mereka-mereka yang berusaha bersama dengan peniaga-peniaga tempatan, telah dapat menikmati segala macam galakan-galakan pelaburan seperti Taraf Perintis, Kredit Cukai Pelaburan, Kelonggaran Cukai Penggunaan Tenaga Buruh, Galakan Eksport, Elaun Tambahan Modal, Galakan Hotel dan Galakan Tempat Kedudukan. Segala ini telah dihuraikan teliti di dalam Laporan Ekonomi.

Pokok soalan adalah samada Galakan-galakan Pelaburan bertujuan memperkayakan orang-orang kaya atau untuk menguntungkan pengguna-pengguna yang miskin. Biarlah saya memajukan beberapa contoh-contoh. Kereta-kereta yang dipasangkan tempatan bukan sahaja lebih mahal, tetapi barang-barang siap dipasangi adalah juga lebih kurang dari yang diimpot disebabkan "workmanship" yang kurang. Walau bagaimanapun harga-harga kereta terus melambung naik tiap-tiap tahun atau setengah tahun dengan sewenang-wenangnya oleh pemasang-pemasang tempatan. Kereta telah menjadi keperluan asasi dan bukan barang-barang kemewahan, tetapi harga-harga kereta yang dipasangi dalam negeri dan juga barang-barang gantinya yang dibuat dalam negeri, akan pada akhirnya menderitakan penerima-penerima upah yang biasa, dan menjadikan ianya tidak termampu mengadakan kereta-kereta. Suatu contoh lagi adalah berkenaan dengan harga bahan-bahan binaan yang dibuat dalam negeri, seperti simen, paku, ensel pintu, rangka tingkat, kunci, dan lain-lain barang logam. Oleh kerana harga-harga bagi bahan-bahan binaan telah melambung naik disebabkan kekurangan yang dibuat secara artificial, maka harga-harga rumah terus ikut

naik. Kita menerima baik tanggungjawab Kerajaan untuk memperbaiki penyebaran pendapatan-pendapatan, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, "harga-harga mahal pada hakikatnya mengurangkan pendapatan yang sebenarnya, dari segi kuantiti dan kualiti barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang kita beli."

Tuan Yang di-Pertua, kita mengalu-alukan pengumuman penukaran daripada pembayaran bunga hukuman yang dikenakan dari sejak tarikh seseorang mati, kepada ketidak bayaran bunga dari tarikh mati kepada tempoh 30 hari selepas pengeluaran nilai tafsirannya. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas tindakan kemanusiaan ini, disebabkan kadang-kadang lebih daripada dua atau tiga tahun adalah perlu bagi pemungut Cukai Estate untuk menafsirkan jumlah yang dikenakan bayaran oleh waris si mati. Namun demikian, saya yakin ini tidak akan menggalakkan Jabatan Cukai bekerja perlahan, sebenarnya Jabatan ini harus memproses tiap estate dengan secepatnya, dan sekiranya ia disebabkan oleh kerana kekurangan kakitangan, Kerajaan patut memperbaiki keadaan ini secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyesal bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak dapat menambahkan kecualian cukai pendapatan perseorangan (Personal Relief). Kalau dibahaskan bahawa bertambahnya kecualian perseorangan tidak akan menguntungkan golongan pendapatan rendah disebabkan kadar cukai pendapatan yang dibayar, mungkin juga Yang Berhormat Menteri dapat menambahkan cukai rebate \$60 atau menambahkan kecualian perseorangan kepada golongan-golongan tertentu sahaja, iaitu kepada orang-orang yang makan gaji sahaja, disebabkan apabila perbelanjaan hidup naik, orang-orang yang makan gaji menderita kerana pendapatannya tetap, tetapi peniaga-peniaga dapat menyesuaikan kadar untungnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum tumbuhnya suatu kecenderongan di antara negara-negara perindustrian untuk menambah cenderung-cenderung perlindungan dagangan, dan ini ternyata dengan setengah-setengah negara yang telah separuh perindustrian juga. Ambil contoh perundingan luarbiasa berkenaan dengan hak-hak

lalulintas udara dengan negara jiran, Singapura. Oleh kerana Sistem Penerbangan Malaysia telah membenarkan Singapore International Airline membuat 17 penerbangan ke Pulau Pinang, di dalam satu minggu, adalah adil kalau Singapura tidak bergaduh dengan penerbangan Airbus kita ke Singapura, oleh kerana MAS telahpun mahu memberhentikan penggunaan Boeing 707 dan 727 cara perlahan-lahan. Kita telah membenarkan SIA menerbangkan Sixth Freedomnya di Kuala Lumpur, dan sekarang di Pulau Pinang, jadi Singapura patut membalas dan membenarkan MAS menerbangkan kapalterbang yang lebih besar seperti Airbus ke Singapura. Oleh kerana MAS sedang berkembang pesat di dalam peranan sebagai pembawa antarabangsa, saya menyeru Kerajaan berpegang kuat di atas haknya berhubung dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat suatu keperluan yang mendesakkan, hari ini, untuk mengkaji semula dasar kemasukan universiti supaya kita dapat memastikan terwujudnya suatu penyebaran adil dan saksama tempat-tempat universiti di dalam negara kita yang berbagai bangsa. Sudah semestinya bagi kita sekarang untuk memastikan perlaksanaan penyebaran tempat-tempat universiti dengan adil dan saksama. Ini akan menolong mengurangkan kegelisahan dan kebimbangan penuntut-penuntut dan ibubapa-ibubapa mereka memandangkan kepada keadaan sekarang di mana institusi-institusi pelajaran di luar negeri telah mulai mengurangkan pengambilan penuntut-penuntut asing dan ditambah dengan yuran tuition yang begitu tinggi sehingga tidak termampu oleh ramai orang. Peruntukan pendidikan, terutama sekali peringkat pelajaran tinggi, mempunyai dua tujuan, yang pertama bag' melatih tenaga-tenaga bagi keperluan negara dan yang kedua, menjadikan penuntut-penuntut kepada manusia yang serba lengkap dan supaya mereka dapat membalas budi kepada masyarakat. Jadi, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan memastikan supaya kemudahan-kemudahan pendidikan tinggi adalah disediakan. Malaysia sedang pesat membangun, dan kita adalah negara yang maju di depan kalangan negara-negara yang sedang membangun. Dengan sebab demikian adalah penting kemudahan-kemudahan yang mencukupi dapat disediakan supaya warganegara-warganegara kita tanpa perkiraan kaum dapat juga menikmati peluang-peluang yang sama dan saksama untuk memperbaiki diri

mereka terutama sekali pada saat ini di mana negara kita memerlukan tenaga-tenaga untuk meneruskan kemajuan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh membenarkan perbezaan-perbezaan apa juga pun untuk mengkaburi pandangan kita disebabkan kita mempunyai banyak lagi perkara-perkara bersama. Kita boleh mengutamakan perkara-perkara bersama kita semua dan jauhkan dari menekankan perkara-perkara yang boleh membahagi-bahagi kita.

Pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, saya merasa adalah tanggungjawab Kerajaan menyediakan peluang-peluang ini disebabkan kekurangan peluang-peluang sedemikian akan mendatangkan kerugian kepada kebajikan negara kita. Penuntut-penuntut yang bergelisah kerana tidak mendapatkan tempat-tempat di universiti akan senang dipengaruhi oleh pengaruh-pengaruh musuh-musuh kita luar dan dalam.

Adalah menjadi keperluan-keperluan sekarang bagi menyediakan jalan-silihganti dengan membentuk suatu badan sama di Malaysia, sama seperti "The Council of National Academic Awards" di England, Tuan Yang di-Pertua, yang terdapat di United Kingdom. Badan ini menilai kursus-kursus yang sedia ada di maktab dan politeknik-politeknik. Jikalau didapati kursus-kursus yang dikendalikan ini bertaraf ijazah universiti, maka ijazah Council ini akan dikurangkan kepada mana-mana penuntut yang telah berjaya mengikuti kursusnya. Lapisan kedua sistem pelajaran tinggi ini akan dapat menolong mengurangkan kedesakan tempat-tempat pelajaran di kelima-lima universiti tempatan yang ada sekarang. Ini adalah cadangan yang patut difikir masak-masak oleh Kerajaan.

Tuan Yang Choong Fu: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kinta belum buat ucapan sulungnya.

6.00 ptg.

Tuan Yang Choong Fu (Kinta): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul bagi Belanjawan tahun 1979.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersukacita bahawa Kerajaan, terutama Kementerian Kewangan telah mengawal rapi ekonomi

negara kita. Adalah tidak syak lagi bahawa Kerajaan telah menjalani kerjanya dengan baik. Perbelanjaan bagi tahun 1979 dengan tidak syak lagi, merupakan satu rupabentuk baru, lain daripada tahun-tahun dulu. Kementerian ini telah dapat memberikan satu macam tolakansur di mana konsesi cukai dan rebet-rebet telah dapat dinikmati ramai. Adalah menjadi harapan besar saya bahawa ini hanya merupakan perintis kepada lebih banyak berita-berita baik yang akan datang. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah tanda baik dari pihak Kerajaan dan kita tidak boleh menyatakan yang Kerajaan tidak pernah cuba mengurangkan cukai-cukai setelah ianya dikenakan. Saya tidak bersealiran dengan pendapat-pendapat yang telah dimajukan oleh pihak Pembangkang, disebabkan kepercayaan saya bahawa segala macam benda yang baik semestinya ada permulaannya. Dalam pada ini, suatu permulaan yang baik telah mulai muncul.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang perbelanjaan yang disediakan kali ini merupakan wang terbesar sekali yang telah diperuntukkan bagi menjalankan dan mengembangkan negara ini. Saya pasti bahawa apabila kajisemula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Ketiga sudah selesai pada tahun depan, wang perbelanjaan perkembangan akan dapat ditambahkan lagi.

Walaupun perbelanjaan untuk tahun 1979 adalah agak besar, adalah menyenangkan bahawa masih terdapat kelebihan sebanyak \$340 juta di dalam akaun semasa.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi perkhidmatan sosial seperti pendidikan dan kesihatan telah menelan satu-pertiga daripada jumlah peruntukan perbelanjawan dan ini telah menunjukkan bahawa Kerajaan adalah menyedari keperluan bagi menyediakan kemudahan pendidikan dan kesihatan yang mencukupi bagi kebajikan rakyat jelata. Dalam pada ini, saya ingin mencadangkan bahawa perhatian halus patutlah ditumpukan kepada sekolah-sekolah di tempat terpencil dan pinggir seperti sekolah-sekolah yang didapati di Kampung-kampung Baru. Tidaklah dapat dinafikan bahawa kebanyakan sekolah-sekolah ini telah didirikan di dalam masa darurat negara ini dalam tahun-tahun 1948-60. Sekolah-sekolah ini perlu dapat tumpuan perhatian yang melebihi. Adalah menjadi harapan besar saya bahawa sebilangan daripada jumlah bilangan peruntukan iaitu 6,968 bilik-bilik darjah bagi

sekolah rendah dan 4,483 bilik-bilik darjah bagi sekolah menengah, dapatlah didirikan di Kampung-kampung Baru ini bagi keperluan yang kian mendesak di Kampung-kampung Baru ini. Tuan Yang di-Pertua, tidaklah dinafikan bahawa kemudahan-kemudahan pendidikan yang diberikan kepada sesiapa jua akan menguntungkan negara kita. Serupa juga, patutlah ada penyebaran saksama kemudahan-kemudahan pendidikan bagi Kampung-kampung Baru ini supaya dengan begini kemudahan-kemudahan ini akan dapat mengurangkan sebahagian daripada masalah-masalah kesesakan bilik-bilik darjah dan kerumitan-kerumitan murid-murid sekolah kerana mereka terpaksa dipindah ke tempat lain disebabkan serba kekurangan keadaan sekolah-sekolah ini.

Pada masa ini, terujud perasaan tidak menyenangkan disebabkan kurang perhatian telah ditumpukan kepada sekolah-sekolah di Kampung-kampung Baru walau pada satu pihak lagi kelihatan nyata banyak sekolah-sekolah baru telah dan sedang didirikan di sekitar mereka. Jadi sudah sampai masanya sekarang untuk memusnahkan perasaan ini dan memberikan jaminan bahawa Kerajaan sedang membuat seberapa daya upaya dalam lingkungan kuasanya untuk memastikan penyebaran saksama kemudahan-kemudahan ini. Kita semua bersetuju bahawa pendidikan membenarkan mobiliti sosial bagi sesuatu orang dan ia merupakan cara paling efektif bagi menghapuskan kemiskinan di kalangan rakyat kita. Kita janganlah membiarkan keadaan sekarang ini berpesong disebabkan dalam penganalisaan halus, ianya akan menjejaskan kebajikan negara ini. Tuan Yang di-Pertua, sekarang sudah menjadi lebih-lebih mendesak bagi kita meneliti masalah ini dan untuk memastikan bahawa kemajuan kemajuan dan pencapaian negara adalah terjamin penuh bagi generasi-generasi akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sewajarnya bahawa perkhidmatan kesihatan telahpun diberikan keutamaan. Tidak syak lagi kita mesti selalu mengawasi peringkat kesihatan rakyat kita supaya kadar pengeluaran rakyat tidak diturunkan. Adalah menjadi harapan saya supaya perhatian yang lebih banyak patutlah diberikan bagi mencegah menularnya penyakit-penyakit. Adalah sama penting juga usaha-usaha bersama mestilah dilaksanakan bagi membentuk Dasar Kesihatan Kebangsaan di mana semua rakyat kita dapat didikan tentang mustahaknya mengadakan

badan yang sihat. Didapati bahawa rancangan-rancangan kesihatan yang ada sekarang adalah kurang teratur dengan rapi. Sebenarnya agensi-agensi yang ada berkaitan dengan mengembangkan sebuah negara yang sihat mestilah mengembangkan satu rancangan samada di dalam sukan, kesihatan dan lain-lain bidang berkaitan, supaya tiap orang di dalam negara ini sentiasa sedar akan keperluan badan sihat. Ini adalah penting dan melainkan kita sedar akan kepentingannya, ia akan memperturunkan kadar pengeluaran negara ini. Adalah juga menjadi harapan saya apabila Kerajaan memperluaskan kemudahan-kemudahan rancangan-rancangan kesihatan di kawasan luar bandar, ianya dapat dibahagikan dengan cara adil dan saksama di antara bilangan yang begitu banyak Kampung-kampung Baru di dalam negara ini.

Walaupun sudah menjadi kenyataan bahawa Kerajaan akan menyediakan perumahan yang mencukupi terutamanya bagi kumpulan-kumpulan berpendapatan rendah, saya merasakan keadaan yang sedia ada sekarang di mana tiap negeri mengendalikan Yunit Perumahannya tersendiri, ia hanya dapat mengatasi sebahagian daripada keseluruhan masalah ini. Sebenarnya bagi mengurangkan masalah kekurangan perumahan, cara yang paling cekap adalah bagi tiap Kerajaan negeri mempercepatkan penukaran tanah bagi kegunaan perumahan, asalkan mereka mematuhi kepada syarat-syarat tertentu tanpa halangan dan sekatan di dalam perjalanan mereka. Kelambatan yang kian lama akan menjadikan rumah-rumah ini tidak termampu dibeli oleh orang-orang yang benar-benar memerlukannya. Pada masa sekarang bukan sahaja golongan berpendapatan rendah mendapati kerumitan tetapi golongan menengah juga mendapati bahawa harga-harga rumah sudah meningkat naik sehingga tidak termampu dibeli oleh mereka. Adalah sampai masanya Kerajaan patutnya mengkaji semula strategi perumahannya bagi memenuhi keperluan semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, masalah tanah adalah satu masalah terbesar bagi Kampung-kampung Baru. Luas kawasan tiap Kampung Baru tertinggal lebih kurang sama berbanding dengan masa permulaan berlahirnya tiap Kampung Baru itu. Sudah sampai masanya usaha-usaha yang teratur dilaksanakan bagi memastikan bahawa Kampung-kampung Baru ini disediakan dengan tanah supaya dapat juga Kampung-kampung Baru ini terus dijalankan dengan saiz yang jimat. Ini akan

dapat menjamin keselamatan tempoh tinggal selain daripada meninggikan taraf hidup di kalangan mereka, dan dengan itu menghapuskan kemiskinan.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sudah menjadi tujuan dan matlamat kita untuk menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum, adalah mewajibkan kepada pihak Kerajaan untuk memastikan bahawa segala rancangan-rancangan dengan tujuan sedemikian mestilah dilaksanakan adil dan saksama supaya menguntungkan semua rakyat jelata tanpa perkiraan asal-usul kaum. Apa juga pun, apa-apa yang mendatangkan keuntungan kepada rakyat jelata mesti nampak nyata bahawa ianya adalah adil dan saksama. Kesimpulannya, hanya melalui cara inilah rakyat jelata akan mengadili pencaipaan Kerajaan.

Tuan V. David: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu! Yang Berhormat hendak bercakap berapa lama kerana kita ada cuti panjang selepas ini, boleh habis sampai pukul 6.30 petang?

Tuan V. David: Belum tentu, saya tak tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh habis, saya boleh beri; kalau tidak Ahli Yang Berhormat

Tuan V. David: Saya boleh sambung.

Tuan Yang di-Pertua: Ini kerana cuti panjang, fasal itu saya kata

Tuan V. David: Tak apa, saya boleh sambung.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh habis?

Tuan V. David: Saya cuba.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, saya jemput Yang Berhormat dari Damansara.

6.17 ptg.

Tuan V. David (Damansara): Tuan Yang di-Pertua, mari kita lihat secara serius terhadap Belanjawan sebelum pilihanraya. Belanjawan itu perlu diperhatikan berkaitan dengan Rancangan Malaysia Ketiga. Persoalan yang dikemukakan oleh orang ramai ialah samada Rancangan Malaysia

Kedua telah dilaksanakan dengan sepenuhnya. Sehingga Rancangan Malaysia Kedua dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya maka Rancangan Malaysia Ketiga akan tinggal terbantut sebagai khayalan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Lima Tahun Yang Kedua yang bertujuan untuk menyusun semula masyarakat dengan menghapuskan pengalaman yang lampau di mana pekerjaan diperkenalkan dengan keturunan bangsa. Konsepnya ialah keadilan sosial untuk semua tanpa mengira kaum. Merapatkan jurang di antara yang berada dengan mereka yang tidak berada. Meskipun penegasannya telah dilakukan di semua peringkat, adakah kita telah mencapai matlamat yang diharapkan. Cogan katanya telah dilaungkan ke pendengaran orang ramai, akan tetapi pelaksanaan keadilan sosial masih belum lagi dijayakan.

Tuan Yang di-Pertua, bekas Menteri Kewangan, Tun Tan Siew Sin, yang kini menjadi Penasihat Kewangan kepada Kerajaan Malaysia, telah memberi komen pada 4hb Julai, 1978 bahawa, izinkan saya quote, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Panjangkah?

Tuan V. David: Pendek.

“The way the New Economic Policy was being implemented contributed to the M.C.A. is failure. There was nothing wrong with the policy itself. But the Chinese community on the whole were not satisfied with the way the New Economic Policy was being implemented.”

Tuan Yang di-Pertua: Sebutkan quotation itu dari mana untuk rekod.

Tuan V. David: Quotation ini daripada suratkhabar STAR.

Tuan Yang di-Pertua: Haribulannya tahu?

Tuan V. David: 14hb Julai.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, ini sahaja adalah mencukupi untuk menjelaskan bahawa Dasar Ekonomi Baru itu telah mewaskan objektif-objektif yang diharapkan dalam cara pelaksanaannya. Jurang di antara mereka yang berada dengan yang tidak

berada telah bertambah meluas. Hasil ekonomi negara telah dibahagikan secara tidak adil untuk dinikmati oleh sebilangan kecil orang sedangkan ramai darinya tidak mendapat bahagian mereka yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga di antara tahun 1976-1980 melapurkan sejumlah pelaburan dari orang ramai dan sektor swasta—tempatan dan luar negeri—adalah kira-kira \$44.2 million akan tetapi matlamat masih belum lagi dicapai. Sektor swasta telah mengecam hebat Kerjasama Perusahaan. Sedang suasana pelaburan tempatan tetap tidak berganjak, pengujudan kerja-kerja baru dan pengluasan kemajuan sosio-ekonomi telah bergerak dengan begitu perlahan dan lembab.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bidang perkhidmatan kemudahan awam terdapat penurunan sekurang-kurangnya 30% semenjak dari kemerdekaan. Ketidak-cekapan, pilih kasih—kronisme dan penyelewengan pentadbiran adalah menjadi amalan harian. Sektor awam dipenuhi dengan kuantiti tidak dengan kualiti. Kekurangan sikap dedikasi kesetiaan dan kejujuran dalam menjalankan pekerjaan telah menimbulkan masalah dan terus tinggal sebagai satu ancaman yang serius pada jentera pentadbiran Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Belanjawan bagi tahun 1979 tidak meringankan bebanan orang-orang miskin dan yang tidak berada. Pengurangan cukai persendirian tidak ada hubungan dengan harga kehidupan. DAP mempunyai kepercayaan bahawa pengurangan cukai pendapatan persendirian harus dinaikkan kepada sekurang-kurangnya \$6,000. Apa-apa cukai yang dikenakan di bawah \$500 sebulan adalah tidak memberikan pertolongan kepada rakyat biasa negeri ini. Orang-orang kaya yang berpendapatan yang kali-kali ganda dari yang berpendapatan sederhana yang hidup mewah patut dikenakan cukai. Rakyat miskin yang bersusah payah mengatasi kemiskinan harus diberi pertolongan, tetapi malangnya orang-orang kaya dan peniaga-peniaga besar telah terlepas dari bebanan ini. Jadi dengan ini bermakna di dalam analisa akhir Anggaran Belanjawan tahun 1979 adalah anugerah untuk orang-orang kaya bukannya rakyat yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, DAP amat yakin dan percaya bahawa para pentadbir yang sewajarnya telah tidak ditugaskan dengan kerja-kerja yang bertanggungjawab di dalam Kerajaan Tempatan khususnya dalam

Wilayah Persekutuan. Terdapat banyak baha-
gian dari ciri-ciri ketidak cekapan. Penguasa-
penguasa yang ditugaskan untuk menjaga
kebersihan dan keperluan penghidupan pada
orang ramai telah tidak dapat memenuhi
objektif-objektif Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, kini terdapat keku-
rangan perumahan yang amat sangat di
dalam kawasan Wilayah Persekutuan. Keku-
rangan perumahan ini telah berterusan ber-
laku semenjak beberapa tahun yang lalu.
Encik Ruddock seorang pakar dari Bangsa-
bangsa Bersatu yang melawat Malaysia
dalam tahun 1961 telah membuat satu kajian
selidik ke atas masalah perumahan dan
beliau menyatakan:

“Soal perumahan di Kuala Lumpur
bukan kerana ketiadaan rumah akan tetapi
soalnya ialah kerana ia tidak termasuk di
dalam lingkungan kemampuan orang
ramai.”

Ia menegaskan keadaan bahawa kebanyakan
pemaju-pemaju swasta tidak membekalkan
peluang kepada mereka yang miskin untuk
membeli rumah. Di samping itu pihak di
bahagian sektor awam pula tidak mengambil
usaha yang gigih untuk menyediakan rumah-
rumah murah.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya
terdapat suatu keperluan yang besege-
ra untuk mengadakan program serta-merta
(crash programme). Sekurang-kurangnya
100,000 rumah-rumah diperlukan segera di
Kuala Lumpur. Kerajaan mesti mendapatkan
kawasannya dan mestilah berupaya menyiap-
kan skim ini dalam tempoh satu tahun yang

akan datang. Kiranya Kerajaan menunggu
satu tahun lagi maka keperluan perumahan
ini akan bertambah dari apa yang terdapat
dewasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mestilah
mengambil langkah-langkah yang sewajarnya
dengan pegawai-pegawai yang dedikasi untuk
bergerak ke arah pembinaan rumah-rumah
secara besar-besaran yang termampu dibeli
oleh orang ramai. Cara menyediakan rumah-
rumah murah yang terdapat sekarang bercorak
seperti melepaskan batuk di tangga tidak
akan dapat memenuhi keperluan tuntutan
orang ramai yang tinggal di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, DAP amat yakin dan
percaya bahawa Menteri Wilayah Perse-
kutuan yang juga Perdana Menteri akan
dapat bertindak segera ke arah ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kerakyatan
di Malaysia

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang
Berhormat? Berapa minit agaknya lagi?

Tuan V. David: Lagi 20 minit.

Tuan Yang di-Pertua: 20 minit? Boleh
sambung.

Tuan V. David: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguh-
kan sehingga jam 2.30 petang pada hari
Rabu, 1hb November, 1978.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30
petang.*